# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN 46 | RABU 17HB NOBEMBER, 1982. | 1403 محرم 30 رابو | PERCHUMA


## SEMBAH TAKZIAH DARI Y.A.B. PEMANGKU M.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bagi pehak seluroh Pegawai dan Kakitangan Kerajaan serta raayat dan pendudok Negeri Brunei dengan perasaan yang amat dukachita telah menyembahkan kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, sembah takziah atas kemangkatan Almarhum ayahanda mertua Baginda, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohamed Alam ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, bagi pehak seluroh Pegawai dan Kakitangan Kerajaan serta raayat dan pendudok negeri ini berdo'a semoga roh Almarhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohamed Alam ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman di-tempatkan dikalangan orang2 yang salih. Amin Ya Rabbal Alamin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika berangkat ka-rumah kediaman Almarhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha untok menziarahi jenazah ayahanda mertua Baginda.

# Y.T.M. PENGIRAN PEMANCHA MANGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohamed Alam ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, ayahanda mertua kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan ayahanda kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, dan ayahanda mertua kapada YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, telah mangkat pada hari Ahad 14hb Nobember, 1982 bersamaan dengan 27hb Muharram, 1403 Hijrah ketika berusia 64 tahun.

### MULA BERKHIDMAT

Almarhum YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal Mashuarah telah di-lahirkan pada 18hb Oktober, 1918 di-Kampong Bendahara Lama, Pekan Brunei, pernah menuntut di-Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak dan mula memegang jawatan dalam kerajaan sa-bagai kerani di-Pejabat Tanah dalam tahun 1937. Almarhum kemudian-nya telah bertukar ka-Pejabat Kehakiman pada tahun 1940, dan pada tahun 1948 telah di-lantek sa-bagai Majistret.

Pada 27hb Julai, 1950, Almarhum telah di-arak untok menjadi Wazir Ketiga bagi Negeri Brunei dan bersara dari perkhidmatan yang berusia kira2 17 tahun pada tarikh berkenaan.

Sa-telah meninggalkan perkhidmatan kira2 empat tahun dengan kerajaan, Almarhum kemudian-nya telah di-lantek pula sa-bagai Pegawai Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan mulai 1hb Julai 1954 hingga 28hb September 1959.

Sesuai dengan kedudokan Almarhum yang telah di-lantek sa-bagai Wazir, dan orang bergelar di-negeri ini, Almarhum telah di-lantek memegang jawatan Yang Dipertua Adat Istiadat Negeri Brunei mulai 29hb September 1959. Dan sa-telah memegang jawatan berkenaan yang telah di-pisahkan dari tugas2 Ugama dan Kebajikan, adat istiadat Negeri Brunei telah mula menampakkan seri untok di-fahami dan di-amalkan oleh seluroh raayat dan pendudok negeri ini.

Lihat muka (i)



Almarhum YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohamed Alam.

## Jenazah Al-Marhum Y.T.M. selamat di-makamkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jenazah Almarhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohamed Alam ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman telah selamat sempurna di-makamkan di-Kubah Makam Diraja di-ibu negeri dengan penoh adat istiadat. Jenazah Almarhum Yang Teramat Mulia di-bawa dengan kenderaan khas dari rumah kediaman Yang Teramat Mulia itu dekat Istana Darul Hana menuju ka-Kubah Makam Diraja dengan di-dahului oleh perarakan alat2 kebesaran yang di-bawa oleh beberapa orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei.

Di-perkarangan Kubah Makam Diraja satu perbarisan kehormatan telah juga di-adakan yang terdiri dari anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah mengepalai perarakan yang membawa usongan jenazah Almarhum Yang Teramat Mulia itu ka-Kubah Makam Diraja.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir juga telah mengepalai kerabat Diraja yang lain menjirus aying asah2an sa-baik2 saja jenazah Almarhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohamed Alam sempurna di-makamkan.

Terdahulu sa-belum itu Mufti Kerajaan Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz telah mengepalai membacha tahlil, talkin dan doa di-istiadat permakaman itu.

Terdahulu dari itu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah mengepalai kerabat2 Diraja yang lain menziarahi jena-

Lihat muka (iv)

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

17HB NOBEMBER, 1982

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## Bidang Perguruan:

## BUKAN JALAN SENANG MENDAPATKAN PEKERJAAN

Tanggong-jawab dalam bidang pekerjaan guru sudah banyak di-perkatakan. Dalam memperkatakan-nya tentu-lah perhatian di-beri kapada kepentingan2-nya dalam hubongan dengan hasrat dan keperluan negara.

Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan ketika beruchap di-Majlis Konvokeshen Ke-10 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Sabtu lalu, antara-nya telah memperchakapkan mengenai kemasokan kedalam bidang perguruan. Yang Berhormat itu mengingatkan supaya gulongan guru tidak memasoki bidang perguruan hanya sa-bagai jalan senang mendapatkan pekerjaan tanpa 'motivation' atau kemahuan untok berusaha sa-bagaimana yang di-perlukan oleh negara.

Ada-lah di-fahamkan bahawa sa-bahagian maksud ingatan itu ia-lah supaya bidang perguruan akan terus menerus mendapat keperchayaan dan sanjongan orang ramai. Sebab apa pun yang di-tafsirkan mengenai ertikata guru namun fahaman yang sudah menjadi keperchayaan umum ia-lah guru2 itu memikul tanggong-jawab yang penting lagi suchi. Sa-bagaimana kata Yang Berhormat itu bahawa guru2 bukan sahaja untok di-pertanggong-jawabkan memberi pengetahuan atau tunjok ajar kapada murid2 tetapi lebeh daripada itu ada-lah juga untok membimbing murid2 supaya bertata tertib, berdisiplin dan perlu juga membimbing murid2 dalam chara berfikir, memperkukoh watak dan keperibadian.

Ukoran tentang berjaya tidak-nya guru2 dalam perkhidmatan mereka pada keselurohan-nya ada-lah di-dasarkan kapada bentok tanggong-jawab yang sedemikian itu. Yang nyata ia-lah tanggong-jawab yang seberat dan sepenting itu tidak-lah boleh di-'simbat-simbat' apa lagi dengan tujuan semata-mata sa-bagai jalan senang mendapatkan pekerjaan. Kerana itu kegagalan perkhidmatan guru dan bahkan juga kegagalan tujuan pendidekan sa-sebuah negara banyak berpuncha dari sikap negatif guru2 terhadap profession-nya.

Kita perchaya ingatan yang di-berikan kapada guru2 saperti yang di-buat oleh Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan itu sama sekali tidak-lah bermaksud memperkechilkan sumbangan keselurohan guru2 kita bahkan tidak-lah patut di-salah tafsirkan sa-bagai menafikan khidmat chemerlang guru2 yang sentiasa mengambil kira akan tanggong-jawab masing2 saperti yang di-sebutkan itu. Gulongan guru sudah barang tentu berhak mendapat penghargaan dan sanjongan masharakat apabila ia menjalankan khidmat-nya dengan kemahuan dan usaha yang menepati hasrat dan keperluan negara. Dalam pada itu pula kepentingan khidmat mereka itu menjadikan orang ramai akan membuat ukoran mengenai performance mereka dari semasa kesemasa. Kita tahu ukoran yang di-buat oleh orang ramai tidak semesti-nya tepat bagi menentukan kejayaan atau pun kegagalan sa-benar sa-tengah2 guru dalam perkhidmatan mereka. Tetapi kita sa-baik2-nya memberi perhatian kapada harapan dan jangkaan orang ramai itu apa lagi memandangkan bahawa orang ramai ada-lah gulongan yang sebenar-nya mempunyai kepentingan dan menerima kesan daripada kejayaan atau kegagalan guru2.

Kerana itu dalam kita mengakui bahawa guru2 pada keselurohan-nya memang menyedari tanggong-jawab mereka untok memenohi hasrat dan keperluan negara tetapi sesuai dan munasabah juga ingatan2 selalu di-berikan supaya tanggong-jawab mereka itu tidak akan di-sembaranakan. Ingatan bahawa bidang pekerjaan guru tidak patut di-anggap sa-bagai jalan senang mendapatkan pekerjaan sangat-lah sesuai di-ambil perhatian oleh yang berkenaan terutama sekali anak2 muda kita. Sebab anggapan sa-demikian itu boleh mempengarohi sikap mereka terhadap profession guru apabila telah berada di-dalam-nya.

Negara dan semua kepentingan2-nya turut menggantongkan nasib kapada gulongan guru. Tentu-lah pergantongan nasib sa-demikian menjadikan tugas guru itu suatu khidmat yang suchi dan penting bagi kemajuan anak bangsa-nya di-masa ini dan di-masa akan datang.

# KEBEBASAN:

# SESUAIKAN DENGAN PERKEMBANGAN DAN CHARA HIDUP KITA – Pmk SUK

**BERIKUT ia-lah uchapan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib di-Majlis Penyampaian Sijil kapada lepasan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah yang di-langsongkan di-Dewan Jubli Perak maktab tersebut pada 6hb Nobember yang lalu.**

Terlebeh dahulu izinkan-lah saya menguchapkan setinggi2 tahniah kapada mereka yang akan menerima Sijil Perguruan pada pagi ini. Satelah tuan2 dan puan2 sekalian bertungkus lumus belajar menggali ilmu pengetahuan dengan begitu tekun sa-lama tiga tahun, maka hari ini ada-lah merupakan hari kemegahan dan hari kejayaan bagi tuan2 dan puan2 semua kerana segala usaha yang tidak putus2 itu menghasilkan buah-nya. Hari ini juga menandakan bahawa tuan2 dan puan2 akan memasoki satu perengkat hidup atau kerjaya, bilamana tuan2 dan puan2 akan mula menggunakan segala pengetahuan dan tunjok ajar untok kepentingan kanak2 atau penuntut2 di-sekolah2 di-Negeri ini. Dengan sebab itu, saya sukachita pula menyampaikan uchapan selamat memulakan pekerjaan dengan penoh do'a semoga usaha yang berkebajikan tuan2 dan puan2 akan di-berkati dengan kejayaan, dan nikmat daripada usaha yang tulus ikhlas lagi berkebajikan ini akan memberi manafaat pada pembangunan dan kemajuan Negeri ini pada keselurohan-nya.

Saya sedar bahawa mengajar dan mendidek kanak2 bukan-lah merupakan satu pekerjaan yang tidak penoh dengan chabaran dan kesulitan-nya. Saya yakin bahawa tidak semua orang yang berkebolehan untok mengajar dan mendidek, dan pekerjaan ini ada-lah memerlukan orang2 yang berkebolehan atau mempunyai 'talent' semula jadi, orang2 yang tekun dan penoh dedikasi serta orang2 yang penoh tanggong-jawab. Saya turut gembira kerana tuan2 dan puan2 telah memileh untok mencheborkan diri dalam lapangan profeshen yang sangat di-perlukan dan yang sangat penting ini. Saya penoh berharap semoga semangat dan ketekunan yang telah di-tunjokkan selama berlateh di-Maktab ini akan terus di-pupok dan di-pergiatkan dengan iringan sumbangan yang benar2 di-kehendaki oleh Negeri kita ini.

Saya tidak shak lagi bahawa tuan2 dan puan2 semua faham, yang mana golongan guru2 mempunyai tugas dan tanggong-jawab yang besar dalam perkembangan dan pembangunan Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai ini. Amat-lah mendukachitakan lagi merugikan kira-nya ada di-antara golongan guru yang memasoki bidang perguruan hanya untok menchari jalan yang senang untok mendapat pekerjaan, tanpa 'motivation' atau kemahuan untok berusaha sa-bagaimana yang di-perlukan oleh Negeri ini. Guru2 bukan sahaja di-pertanggong-jawabkan untok memberi pengetahuan atau tunjok ajar kapada murid2, tetapi lebeh daripada itu, guru2 ada-lah juga perlu untok membimbing murid2 supaya bertata-tertib, berdisiplin dan perlu juga membimbing murid dalam chara berfikir, memperkukohkan watak dan keperibadian. Telah pernah di-nyatakan bahawa segala ilmu pengetahuan yang di-sampaikan kapada murid2 sepatut-nya berdasarkan dan berunsorkan kapada chara hidup dan suasana kita sendiri dalam kehidupan kita, beradat istiadat, berugama Islam dan bersultan.

Saya di-fahamkan bahawa konsep pengajaran di-sebelah barat banyak mengutamakan sistem kebebasan — bebas berfikir, bebas berchakap, bebas menulis dan seumpama-nya. Dalam keadaan kita, kita harus pula memikirkan akan maana kebebasan itu dengan kemajuan dan perkembangan masharakat dan chara hidup kita di-Brunei ini; tentu-lah tidak sesuai dengan konsep kebebasan penoh itu, di-mana bukan sahaja pada konsep-nya tetapi pada istilah-nya ia merupakan satu perkara yang asing bagi kita. Dalam kehidupan kita sehari2 maseh lagi ada ujud sifat2 kita menghormati orang2 tua daripada kita, menghormati dan menghargai ibu-bapa dan ta'at kapada perentah, sama ada undang2 negara maupun hukum Ugama. Keadaan ini memberikan kita kelebehan sebenar-nya daripada masharakat lain, dan kita bershukor akan unsor2 yang maseh kita pegang kuat ini. Jika kanak2 yang di-bangku sekolah itu mula di-ajar dengan kebebasan sepenoh-nya, maka saya yakin bahawa nilai hidup kita yang kita pegang kukoh sabagai orang2 Melayu Brunei berugama Islam akan tentu pudar, kerana 'expectation' mereka dalam kehidupan ini akan berubah chorak. Dengan sebab itu, ada-lah perlu bagi kanak2 itu di-pimpin dan di-tegor oleh sa-seorang, tegas-nya golongan guru yang benar2 yakin akan hakikat kehidupan ini dan berupaya serta berkebolehan untok menunaikan tanggong-jawab yang di-bebankan oleh masharakat kapada mereka.

Telah juga sering di-nyatakan bahawa masa hadapan Negeri ini ada-lah jelas dan nyata terserah kapada mutu anak2 muda yang maseh di-bangku sekolah ketika ini, yang akan dewasa dan menganggotai masharakat-nya. Menurut perkembangan dunia ketika ini, kehidupan kita akan terus ikut di-pengarohi oleh perkembangan sains dan teknologi. Menyedari akan hakikat ini dan menyedari akan kenyataan yang telah saya buat berhubong dengan anak2 muda yang maseh di-bangku sekolah ketika ini, kita seharus-nya-lah menyediakan diri dan menggalakkan penuntut2 kita untok giat berkechimpong dalam penyesuaian dengan arus perkembangan sains dan teknologi moden. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pelajaran, akan terus berusaha mengadakan kemudahan2 bagi membolehkan lebeh ramai lagi penuntut2 mengikuti kursus2 dalam bidang ini. Tetapi apa yang sebenar-nya di-harapkan ia-lah sahutan positif daripada penuntut2 supaya lebeh giat dan lebeh ramai mengikuti lapangan2 ini. Jika sekira-nya kita chuba untok melihat 'scenario' yang mungkin di-hadapi sepuloh tahun yang akan datang, maka tentu-lah kita tidak mahu melihat keadan kita ketika ini yang bergantong kuat kapada tenaga dari luar negeri berterusan sehingga kemasa itu. Kita akan hanya boleh menemui 'scenario' yang lebeh menggalakan daripada ketika ini apa kala kita berusaha, di-ketika ini, melateh penuntut2 dan memberi pengetahuan sechukup-nya kapada pekerja2 yang akan datang. Kita harus menghindari diri daripada 'wastage' ataupun kechichiran tenaga manusia, oleh sebab dari segi bilangan pendudok rasa-nya kita tidak berupaya untok berhadapan dengan kechichiran tenaga sedemikian.

Setiap raayat harus di-lateh dan di-beri kepandaian atau 'skill' bagi membolehkan ia menyumbangkan tenaga-nya dalam bidang2 yang kita perlukan di-waktu2 yang akan datang, untok menentukan kesejahteraan dan keselamatan negara kita dan keturunan kita akan datang nanti di-hari muka. Dalam hal ini, ada-lah sepenoh-nya di-harapkan semoga guru2 bukan sahaja mengajar dan mendidek penuntut2 atau murid2 di-sekolah2, tetapi juga ada-lah di-harapkan semoga guru2 sekalian akan dapat membantu Kerajaan dalam usaha-nya yang sangat penting, untok mendapatkan penuntut2 yang chenderong dan suka untok mencheborkan diri dalam pengajian sains dan teknologi, yang mana negeri ini ada-lah sangat2 memerlukan-nya. Segala usaha Kerajaan akan menemui matalamat-nya sekira-nya guru2 sekalian akan tampil dengan keyakinan dan kesedaran sepenoh-nya akan usaha besar Kerajaan dalam bidang ini.

Dalam konteks yang sama, maseh terdapat banyak penuntut2 malah ibu-bapa dan penjaga yang memandang tinggi akan pekerjaan yang di-gelarkan sebagai pekerjaan 'kollar puteh'. Jika di-lihat di-negeri2 lain, meskipun di-negeri2 jiran, dan sudah juga di-lihat di-negeri kita sendiri bahawa tidak-lah semesti-nya pekerjaan yang di-lumori dengan minyak atau tanah itu akan menghasilkan pendapatan yang jauh lebeh rendah daripada bertugas di-dalam pejabat, sama ada firma ataupun jabatan awam. 'Wustage' ataupun kechichiran tenaga sapertimana yang telah saya nyatakan tiada akan jauh lebeh berkurangan sekira-nya kita tidak mengubah sikap dan pandangan terhadap pekerjaan2 yang mana sama penting-nya, malah ada kala-nya lebeh penting daripada kerja2 di-pejabat ini. Kerana itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah mengambil langkah yang positif dalam menubohkan sekolah2 Pertukangan, Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Pusat Latehan Teknikal dan Pusat Latehan Pertanian; dan baharu2 ini di-ura2kan bahawa Kerajaan akan menubohkan sebuah Institute Teknologi di-negeri ini, dalam bidang yang di-perlukan kerana tenaga mereka ada-lah sangat2 di-perlukan dalam memenohi kehendak2 Negara masa ini dan masa hadapan.

Saya ingin menggunakan majlis yang sangat berkebajikan ini dan melalui majlis ini, bermula dengan tuan2 dan puan2 yang hadhir selaku guru2 dan ibu-bapa sekalian dan orang yang meminati bidang ini akan dapat sama2 berfikir menchari jalan semoga matalamat kita untok menghasilkan tenaga manusia tempatan di-dalam aliran teknologi dan sains ini akan dapat di-chapai. Sebagaimana yang telah di-nyatakan, bahawa negeri kita maseh bergantong pada perkhidmatan tenaga dari luar negeri, dan saya fikir perkara ini tidak-lah seharus-nya di-biarkan terus berlarutan kerana dari sejarah kita memahami bahawa perkembangan sa-sebuah negara itu perlu di-ikuti dan di-sertai oleh raayat-nya sendiri yang mana nanti akan dapat menghargai usaha mereka dalam menentukan keujudan, kema'amoran dan kebahagiaan masharakat tersebut dan generasi yang akan datang. Saya sedar bahawa dari segi 'ideal'-nya, kenyataan yang saya buat ini mempunyai tarekan2-nya sendiri dan saya juga sedar bahawa dari perlaksanaan-nya pula, menimbulkan chabaran2 pula. Saya penoh perchaya walau macham mana pun bahawa kita yang menganggotai masharakat Negeri Brunei ketika ini mempunyai kebolehan dan semangat, serta ketekunan untok memenpohi chabaran2 ini dan menjadikan harapan kita sebagai 'reality' atau kenyataan di-bumi kita ini.

Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah ini telah menchapai umor dua-puloh lima tahun dalam sejarah keujudan-nya pada tahun lepas; perayaan bagi menyambut ulang tahun ke-dua-puloh lima tahun ini telah selesai di-adakan. Jika di-tilek daripada kehidupan sa-seorang manusia, seseorang belia yang sudah berumor dua-puloh lima tahun sudah mampu untok melaksanakan tugas2-nya terhadap masharakat dan negara tempat ia berpijak. Dengan kata2 lain, ia sudah menchapai umor kedewasaan-nya. Saya kira Maktab ini sudah juga menchapai tahap kedewasaan-nya. Dengan sebab itu, apa yang akan saya nyatakan, saya harap, akan di-ambil sebagai satu chabaran ataupun sekurang2-nya sebagai satu bahan pemikiran dengan penoh tabah dan perchaya bahawa perkara ini akan dapat menimbulkan tindakan2 untok kebaikan bersama; dan tidak-lah pula di-terima sebagai satu kritik yang sempit atau tidak 'constructive'. Sa-bagai sa-buah pusat pengajian tinggi di-Negeri ini, yang sudah mempunyai kedudokan-nya sendiri dalam masharkat dan sudah sedikit sebanyak merasa manis dan pahit-nya hidup ini, saya kira masa-nya sudah sampai bagi Maktab ini menilek semula 'mechanism'-nya dan kegiatan2-nya dalam mengungkayahkan keperluan asas pelajaran di-negeri ini. Maktab ini ada-lah tempat

Lihat muka 7



Awang Haji Hussain memotong pita sa-bagai menandakan perasmian Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah pada hari Ahad 7hb Nobember yang lalu.

## Agar Ugama Islam benar2 di-fahami:

# Hasrat Baginda Yang Dipertuan pesat di-ungkayahkan

BERAKAS. — Hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan supaya ugama Islam benar2 di-fahami oleh ra'ayat Baginda, telah dapat di-ungkayahkan dengan pesat-nya oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Dengan kebijaksanaan pegawai2 di-jabatan berkenaan banyak-lah bangunan2 di-bangun bagi pusat2 perkembangan Islam, saperti sekolah2 ugama, Balai2 Ibadat, Surau2, Masjid2 dan lain2 lagi, semata2 untok mengembangkan shi'ar Islam di-negeri ini.

Awang Haji Mohd Hussin bin Mohd Yusof menyatakan demikian sa-jurus sa-belum merasmikan bangunan baru Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampong Serusop, Berakas pada 7hb. Nobember, 1982 lepas.

"Guru2 ugama yang berkelayakan juga bertambah dan amat membanggakan jika di-bandingkan dengan mula2 pelajaran ugama masok ka-sekolah2 dalam tahun 1936 yang hanya di-ajar oleh sa-orang guru dalam darjah empat dan lima, tetapi sekarang guru2 yang berkelayakan tersebut telah banyak berbanding dengan guru2 yang di-anggap 'guru kitab kuning' dahulu," ujar Awg. Hj Mohd Hussin.

Awang Hj Mohd. Hussin sa-terus-nya berkata para ibu bapa juga sekarang ini telah pun menyedari betapa penting-nya pendidekan ugama mesti ada pada tiap2 anak-nya, untok menchapai tujuan ini, maka menjadikan kanak2 supaya memahami dan mempelajari pelajaran Islam dengan keimanan kapada Allah yang maha Esa ada-lah penting, kerana yang demikian kanak2 tersebut akan dapat membentok peribadi dan budi pekerti-nya supaya menjadi ra'ayat yang berguna, berkhemah tinggi dengan berdasarkan ajaran2 Islam.

Kata-nya, "Hal ini ada-lah di-akui sendiri oleh para pendidek bahawa ajaran yang membawa kapada kesempurnaan dan ketegohan, berdisiplin, menghormati ibu bapa, saudara serta raja, berchita2 tinggi dan sa-bagai-nya yang indah dan murni itu ada-lah keinginan semua manusia yang berkhemah tinggi."

Oleh yang demikian tambah-nya lagi, dorongan dan kerjasama ibu bapa ada-lah perkara yang amat mustahak bagi membantu guru2 menunaikan tugas-nya bagi memberikan atau mendapatkan pengetahuan ugama Islam yang maha suchi.

Terdahulu dari itu, uchapan alu2an telah di-sampaikan olah Pegawai Ugama Kanan, Awg Hj Abdul Mokti bin Mohd Daud, juga selaku penasehat bersama majlis tersebut.

Di-akhir majlis Awg Hj Mohd Hussin bin Mohd Yusof telah menyampaikan hadiah2 kapada para pemenang Peraduan Tulisan Jawi Peringkat Negeri bagi Sekolah2 Rendah Ugama yang di-selajorkan dengan majlis tersebut bersempena menyambut Awal Tahun Hijrah 1403.

Antara yang hadhir di-majlis itu, termasok-lah YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei; Dato Seri Setia Awg. Haji Yahya bin Hj Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pegawai2 Ugama Kanan, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Ketua2 Kampong, guru2 dan para ibu bapa.

Di-sebelah petang-nya di-adakan pula Majlis Khatamal Al- Kor'an bagi sa-ramai 34 orang penuntut lelaki dan perempuan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampong Serusop.

Tetamu Kehormat di-majlis itu ia-lah Pengerusi Jawatankuasa Sekolah tersebut Awg. Haji Mahari bin Md. Said. Yang mana beliau dan isteri juga sudi menepong tawar kapada murid2 yang di-khatamkan.



Awang Haji Hussain menyampaikan hadiah kapada salah sa-orang penuntut yang berjaya dalam peraduan Tulisan Jawi.

## Hasrat menjadikan Ugama Islam sa-bagai chara hidup.

# PERLU-NYA MEMPELAJARI UGAMA BERSUNGGOH2

**BERIKUT ia-lah uchapan penoh Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri sa-masa merasmikan Pembukaan Masjid Kampong Puni, Temburong pada 5hb Nobember yang lalu.**

Sa-telah peramba, kaola saya menguchapkan shukor kapada Allah Subhanahu Wata'ala dan Salawat kapada Nabi Muhammad s.a.w. maka peramba, kaola, saya menguchapkan berbanyak-banyak ribuan terima kaseh kapada para hadhirin sekalian yang telah beramai-ramai menghadhiri majlis ini dan lebeh2 lagi kapada pehak Jabatan Hal Ehwal Ugama yang telah sudi meminta saya memberikan uchapan di-majlis ini dan sa-terus-nya membuka masjid ini.

Sa-bagaimana yang tersebut dalam Perlembagaan Tahun 1959 bahawa Ugama Islam ada-lah menjadi Ugama rasmi negeri Brunei Darussalam ini dan pernah di-tegaskan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bahawa pengajaran Islam ini di-hasratkan untok menjadi chara hidup bagi raayat dan pendudok negeri ini. Untok melaksanakan maksud yang telah di-titahkan itu perlu-lah bagi tiap2 raayat dan pendudok negeri ini mempelajari pengajaran2 ugama Islam dengan bersunggoh-sunggoh supaya hukum yang telah di-tentukan kapada kita itu dapat di-ketahui dengan jelas dan di-ikuti maksud2-nya dan terus di-amalkan sa-hingga benar2 menjadi chara hidup masing2. Kalau pelajaran itu di-ketahui sa-chara samar2 apa-tah lagi tidak mengetahui langsong sudah tentu maksud titah itu tidak dapat kita laksanakan.

Alhamdulillah pada masa ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Dipertuan telah berusaha menuju ka-arah yang di-maksudkan oleh titah itu. Pada tiap2 tahun Jabatan Hal Ehwal Ugama telah di-peruntokkan empat puloh enam juta ringgit pada tahun lalu yang sa-bahagian besar-nya untok persekolahan Ugama Islam termasok mengadakan guru2 yang khas untok mengajarkan pengajaran Islam ini kapada sa-siapa juga yang ingin mempelajari-nya supaya pengajaran itu berkembang dan di-ketahui oleh seluroh raayat dan pendudok negeri ini. Di-samping itu juga berpuloh-puloh masjid telah di-dirikan untok menajdi tempat orang2 Islam beribadat dan mengadakan sembahyang berjemaah khusus-nya sembahyang fardhu Jumaat yang di-adakan sa-minggu sa-kali.

### MENGUKOHKAN KEIMANAN

Sa-bagaimana yang kita ketahui bahawa perasaan sa-orang manusia itu tiada tetap keadaan-nya dari sa-masa ka-semasa. Apa lagi dari sa-minggu ka-seminggu, dari sa-bulan ka-sebulan atau dari sa-tahun ka-setahun. Keadaan saperti ini memerlukan sa-suatu pembaharuan, peringatan2, nasihat2, tunjok ajar, pesanan2 dan lain2 usaha yang boleh menyuborkan atau mengukohkan perasaan keimanan terhadap Allah untok memelihara umat Islam dari tergoda oleh anasir2 atau pengaroh2 yang di-tempoh samada melalui penglihatan, pendengaran dan hasutan shaitan atau sa-bagai-nya kerana perasaan manusia itu selalu tidak tetap dan mudah terpengaroh. Kalau bergembira sebentar sahaja, kalau bersemangat, masa di-pupok itu sahaja. Kalau marah, masa di-api2kan sahaja. Kalau gigih, masa menempoh sa-suatu keadaan yang menggalakkan itu sahaja dan lain2 lagi. Keadaan ini dapat di-mithalkan saperti memelihara ketajaman mata senjata yang memerlukan sapoh. Ia-itu kalau mata senjata itu sudah tajam, lepas di-pakai berkali-kali tumpul balek. Kemudian sapoh lagi, termulih balek — sapoh lagi, termulih. Begitu-lah hal-nya.

Dengan ada-nya nasihat dan pengajaran khutbah yang di-berikan oleh Khatib pada tiap2 Jumaat itu, Insha Allah iman umat Islam yang telah menghadhiri sembahyang fardhu Jumaat itu akan di-harapkan terpelihara dan dapat di-perkukohkan keimanan-nya serta bertambah-tambah dari sa-masa ka-semasa. Sebab itu-lah khatib yang memberikan khutbah pada tiap2 Jumaat itu terpaksa menyusun isi kandongan khutbah-nya yang bersesuaian dengan keadaan pendudok sa-tempat untok memudahkan umat Islam di-tempat itu mengambil faedah dari khutbah itu bagi memperbaiki keadaan diri masing2 supaya kekuatan iman masing2 terhadap ajaran2 Islam itu bertambah kukoh dan tidak bergonchang atau tidak dapat di-gugat oleh apa jua pengaroh yang di-hadapi oleh umat Islam itu.

### TANGGONG-JAWAB

Yang sebenar-nya mendirikan masjid ini ada-lah menjadi tanggong-jawab kapada orang2 Islam yang akil baligh yang bermastautin di-sesuatu tempat yang chukop bilangan-nya saperti yang telah di-sebutkan. Tetapi dengan kornia Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan nampak-nya tanggong-jawab itu telah di-ambil punggor oleh Kerajaan Baginda. Dengan sebab itu tentu-lah kornia ini akan di-terima oleh raayat dan pendudok negeri ini dengan shukor dan terima kaseh dan menjadi suatu amal jariah yang tinggi nilai-nya yang bukan hanya telah melepaskan pehak yang berkenaan daripada tanggong-jawab masing2, tetapi juga telah menekmati kemudahan masjid baru yang telah di-bangunkan ini. Dalam menekmati kornia ini tentu-lah juga akan di-sambut dengan kegembiraan dan do'a restu, tetapi yang lebeh penting penggunaan masjid ini akan di-pergunakan dengan sa-penoh-nya, tetapi hendak-lah di-dirikan sembahyang berjemaah di-dalam-nya terus menerus pada tiap2 waktu dan di-harumi pula dengan dzikir2 dan wirid2. Ada-lah lebeh baik lagi kalau sa-kira-nya dapat masjid ini di-gunakan untok menjadi tempat da'awah lagi menyibarkan shi'ar Islam dengan mengadakan kuliah2 sa-lepas sembahyang Suboh atau sembahyang Maghrib.

Sa-bagai penutop uchapan saya, saya berdo'a kapada Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan semua-nya umat Islam di-Brunei ini khas-nya akan dapat mengikuti dan melaksanakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang hendak menjadikan pengajaran Islam menjadi chara hidup kapada raayat dan pendudok negeri ini dan akhir-nya saya sa-kali lagi menguchapkan berbanyak-banyak terima kaseh kapada pehak Jabatan Hal Ehwal Ugama dan juga para hadhirin sekalian. Maka dengan nama Allah Tuhan yang amat pemurah lagi amat pengasehani, saya buka Masjid ini dengan rasmi-nya.

BERTERTIB DAN BERTOLAK ANSOR DI-JALANRAYA AMALAN TERPUJI

# PENDIDEKAN DALAM ISLAM

## Siri ke-158

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

2. Fardhu Kifayah erti-nya menghasil dan memproses perkara yang mesti dan tiada dapat tiada bagi manusia pada menegak dan mendirikan ugama mereka saperti menghasilkan Ilmu Shara' termasok di-dalam-nya menghafaz Al-Kor'an, menghafaz hadith2 dan ilmu2 kedua-dua-nya, Usulil Fiqeh, Ilmu Nahu, Ilmu Loghah, Ilmu Saraf, ilmu mengetahui rawi2 hadith, mengetahui Ijma' Ulama Islam dan mengetahui perkara khilaf di-antara Ulama Islam, maka ilmu2 saperti itu ada-lah Fardhu Kifayah di-atas seluroh umat Islam.

Ada pun ilmu bukan ilmu Shara' dan ilmu bukan Shara' itu di-kehendakkan dan di-hajatkan pada menyempurnakan beberapa perkara hidup umat Islam dalam dunia, saperti ilmu penyakit dan mengubat manusia, Ilmu Kira-Kira dan Hisab, ada-lah ia Fardhu Kifayah juga bagaimana telah di-Nas dan di-tegaskan oleh Al-Imam Al-Ghazali.

Ulama telah bersalah-salahan pendapat dalam mempelajari ilmu pertukangan yang dengan-nya menjadi sebab sempurna kehidupan umat Islam dalam dunia sāperti ilmu jahit-menjahit, ilmu berchuchok tanam, dan ilmu2 yang sa-umpama kedua-dua-nya. Di-samping itu Ulama juga telah bersalah-salahan pendapat pada menjalankan pertukangan dan memproses pertukangan itu, maka berkata Imam Al-Haramain dan Al-Imam Al-Ghazali bahawa belajar ilmu pertukangan dan memproses dan mejalankan pertukangan itu bukan Fardhu Kifayah, dan berkata Al-Imam El-Kia Al-Harrasi, rakan Imam Al-Haramain bahawa belajar ilmu pertukangan dan memproses pertukangan ada-lah kedua-dua-nya Fardhu Kifayah ka-atas seluroh umat Islam (pada zaman kita ini ilmu pertukangan ada-lah banyak chawangan-nya saperti ilmu membuat jalan raya, ilmu membuat kenderaan, ilmu membaiki kenderaan laut dan darat dan udara, ilmu menjalankan kenderaan, ilmu letrik, ilmu membaiki dawai2 letrik, ilmu membuat senjata bagi pertahanan negara, ilmu memproses makanan dan minuman, ilmu radio, ilmu talivishen, ilmu tanaman, ilmu memelihara binatang, ilmu membuat bangunan dan lain-lain yang di-hajatkan oleh umat Islam supaya sempurna dan selesa hidup dalam dunia ini, ada-lah Fardhu Kifayah. Ulama Islam tiada berchakap panjang dalam perkara2 ini, kerana ia bukan iktisas Ulama Islam dan bukan bererti ilmu itu tiada wajib atau tiada fardhu pada pandangan Islam kerana tiap2 ilmu dan pengetahuan ada tukang-nya, ada pakai-nya, ada orang-nya, dan ahli-nya. Berkata Al-Imam An-Nawawi perkataan Al-Imam El-Kia Al-Harrasi itu ada-lah dzahir dan kuat.

Berkata Ulama Shafi'eyah bahawa sa-suatu dari perkara Fardhu Kifayah yang di-buat oleh sekalian orang2 Mukallaf atau sa-bahagian daripada orang Mukallaf, maka wajib-nya itu rata ka-atas sekalian orang2 Mukallaf, maka apabila di-buat oleh siapa yang wajib menjalankan Fardhu Kifayah itu, maka gugor-lah tuntutan itu daripada orang lain daripada orang2 Mukallaf itu. Dan apabila di-sempurnakan oleh satu kumpulan, maka hasil-lah Fardhu Kifayah dengan kumpulan itu maka semua-nya orang2 Mukallaf itu sama kena tuntutan pada menghasilkan Fardhu Kifayah itu, dan sama juga pada mendapat pahala dan lain-lain perkara. Maka apabila satu kumpulan sembahyang di-atas satu jenazah, kemudian datang satu kumpulan lagi sembahyang di-atas jenazah itu juga, kemudian datang sa-tu kumpulan lain sembahyang di-atas jenazah itu, maka esmua-nya itu telah menjalankan Fardhu Kifayah di-atas jenazah itu, jikalau semua kumpulan itu sa-kata pada meninggalkan dan tiada sembahyang di-atas jenazah itu maka berdosa-lah tiap-tiap siapa yang tiada uzor Shara' daripada orang2 yang mengetahui akan perkara jenazah itu, pada hal ia boleh sembahyang di-atas jenazah itu, atau tiada mengetahui akan yang demikian pada hal ia berada dekat dengan kawasan jenazah itu dan boleh ia mengetahui akan ada-nya jenazah di-situ. Dalam hal ini dapat di-katakan ia telah taksir dan chuai pada mengetahui ada jenazah itu. Dan tiada-lah berdosa orang yang tiada dapat sembahyang di-atas jenazah itu yang di-sebabkan ia bukan ahli yang wajib sembahyang di-atas jenazah itu atau ia ada uzor shara' (saperti sakit).

3. Jika perkara itu bukan Fardhu 'Ain dan bukan Fardhu Kifayah, maka di-namakan dia 'naf-lun' saperti mengetahui sa-chara meluas dalil2 sa-suatu hukom shara' dan mengetahui atau mempelajari perkara2 lain lebeh dari kadar yang di-tuntut pada menghasilkan Fardhu Kifayah itu sa-umpama orang Islam awam belajar perkara2 sunnat di-dalam ibadat (sembahyang, puasa, zakat dan haji) kerana tujuan beramal dengan-nya, bukan atas tujuan yang di-gariskan oleh ulama pada membezakan di-antara yang fardhu dari yang sunnat, kerana mengetahui perbezaan di-antara yang fardhu dari yang sunnat itu ada-lah Fardhu Kifayah.

WALLAHU A'ALAM



DAYANG Norshiah ketika melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Ismail.

# Tiga orang lagi memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang gadis Iban, Dayang Magdaline Chon anak Bareng, 24 tahun, yang berasal dari Bahagian Kedua Sarawak telah memelok Ugama Islam pada hari Khamis 4hb Nobember, 1982.

Majlis penglslaman telah di-adakan di-rumah Awang Haji Duraman bin Chuchu di-Kampong Sungai Pandan, Brunei. Dayang Magdaline Chon kini di-kenali sa-bagai Dayang Norshiah bte Abdullah.

Majlis pada malam itu juga telah di-serikan dengan Majlis Dzikir Marhaban dan telah di-hadhiri oleh beberapa orang Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Sementara itu, sa-orang, pemuda Kadazan, Jistoh bin Jupinun @ Ronnie berusia 25 tahun berasal dari Labuan, Sabah telah memelok Ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, pada 6hb Nobember, 1982. Awang Jistoh telah memileh nama Islamnya sa-bagai Awang Abdul Aziz bin Abdullah.

Pada 8hb Nobember, 1982 di-tempat yang sama, sa-orang lagi pemuda John Sanda anak Igar (17 tahun) berbangsa Iban yang berasal dari Sarawak telah juga memelok Ugama Islam. Beliau kini di-kenali sa-bagai Awang Zulkifli bin Abdullah.

Ketiga2 mereka telah melafadzkan Ikrar Islam mereka masing2 di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin.

# Sambutan Maulud Nabi di-sambut serentak di-seluroh negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w., yang akan di-adakan pada hari Selasa 28hb. Disember depan di-jangka akan mendapat sambutan yang lebeh meriah dari tahun2 yang sudah. Dalam sambutan yang telah di-adakan pada bulan Januari, 1982 lepas 40 ribu orang telah menyertai perhimpunan dan perarakan2 yang di-adakan di-seluroh negeri.

Memandangkan sa-makin ramai peserta2 yang menyertai sambutan saperti ini, dan kebetulan pada masa ini tempat perhimpunan biasa di-kawasan Padang Besar Bandar Seri Begawan sedang dalam projek pembenaan membuat grand stand dan tempat letak kereta, maka keputusan telah di-ambil bagi upachara sambutan bulan Disember nanti di-Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan dalam tiga kawasan.

Kawasan2 yang di-chadangkan itu ia-lah (kawasan satu) bertempat di-Padang Sekolah Menengah SMJA di-mana peserta2 akan berkumpol di-kawasan itu tanpa mengadakan perarakan.

Kawasan dua ia-lah bagi pendudok2 yang tinggal di-sepanjang Jalan Berakas, Jalan Muara dan Jalan Dato Gandi, achara sambutan bertempat di-Padang Sekolah Melayu SUAS, Muara.

Kawasan tiga ia-lah kawasan Jalan Gadong, Jalan Tutong dan Jalan Mulaut. Pendudok2 di-sekitar kawasan tersebut akan mengadakan sambutan itu di-Padang Sekolah Melayu Sengkurong.

Manakala di-daerah2 lain upachara sambutan saperti biasa. Achara sambutan tahun ini akan di-adakan serentak di-seluroh negeri. Achara di-Bandar Seri Begawan yang akan berlangsong di-Padang Sekolah menengah SMJA ada-lah menjadi achara kemunchak keselurohan perayaan itu di-mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-jangka akan berangkat berchemar Duli kamajlis tersebut.

Keputusan di-atas telah di-chapai dalam satu mashuarat yang di-adakan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini pada 6hb. Nobember. Mashuarat yang di-pengerusikan oleh Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu telah di-hadhiri oleh pegawai2 kanan kerajaan, ketua2 jabatan dan wakil2 jabatan yang berkenaan.

# Tambang ka-Bangkok, H.K. dan Manila naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Penerbangan Diraja Brunei telah menaikkan semua tambang antara Brunei ka-Bangkok, Hong Kong dan Manila sa-banyak tiga peratus mulai 15hb Nobember yang lalu.

Tambang ka-Bangkok sekarang ia-lah B$732.00 bagi kelas pertama dan B$504.00 bagi kelas ekonomi ia-itu bagi satu perjalanan. Sementara tambang ekonomi pulang balek bagi tempoh tinggal maksima 30 hari ia-lah B$652.00.

Tambang kelas pertama bagi satu perjalanan ka-Hong Kong ia-lah B$858.00 dan tambang bagi satu perjalanan kelas ekonomi ia-lah B$666.00.

Tambang ekonomi pulang balek bagi tempoh tinggal maksima 30 hari ia-lah B$1004.00 dan tambang pulang balek lima hari ia-lah B$696.00.

Tambang ka-Manila bagi kelas pertama satu perjalanan ia-lah B$578.00 dan bagi kelas ekonomi satu perjalanan ia-lah B$444.00.

Tambang ekonomi pulang balek bagi tempoh tinggal maksima 30 hari ia-lah B$692.00 dan tambang pulang balek lima hari ia-lah B$504.00.




# DUNIA:

# AWAS! JANGAN SAMPAI TERPAUT CHINTA KAPADA-NYA

Dengan tidak jemu2 terlebeh dahulu kami pesankan dan kami serukan supaya selama2-nya kita bertakwa kapada Allah s.w.t. dengan sebenar2-nya ia-itu dengan ta'at menjunjong titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sahibol Fadhilah Al-Ustaz Al-Kabir As-Shiekh Ali Mahfuz, sa-orang guru di-Universiti Al-Azhar dan sa-orang anggota jema'ah ulama' besar di-Negeri Mesir telah menulis di-dalam kitab-nya Hidayatul Murshidin:

Di-dalam dunia itu sa-umpama rumah tumpangan yang di-bangun dan di-sediakan oleh raja yang kuat bagi keperluan orang2 yang musafir dalam perjalanan-nya. Raja itu telah menyediakan rumah tumpangan itu dengan berbagai2 kemudahan dan kesenangan yang berupakan makanan, minuman, pakaian, perkakas2 makan minum, katil, tilam, bantal, selimut dan segala macham keperluan yang di-perlukan oleh orang yang menumpang itu. Kapada orang2 yang menumpang itu di-bolehkan pula menggunakan segala kemudahan dan menekmati segala kesenangan yang di-sediakan di-dalam rumah tumpangan itu sa-bagai barang2 pinjaman yang harus di-tinggalkan kapada orang2 lain yang akan menumpang di-tempat itu kemudian. Maka orang2 yang datang menumpang itu menggunakan dan menekmati segala kemudahan dan kesenangan itu dengan penoh gembira dan sukachita, lalu apabila tiba masa-nya akan meninggalkan tempat itu mereka merasa redha dan bershukor serta berterima kaseh kapada raja di-atas budi baik-nya itu.

Maka orang2 yang menumpang di-rumah tumpangan itu terbahagi dua: Satu bahagian mereka mempergunakan segala kemudahan dan menekmati segala kesenangan itu hanya-lah sa-bagai barang pinjaman, kemudian barang itu di-serahkan kembali kapada tuan-nya yang sa-benar dengan rasa shukor dan terima kaseh atas budi baik raja serta redha pula meninggalkan rumah tumpangan dan segala kesenangan-nya itu. Itu-lah orang2 yang bijak dan berakal waras.

Ada pun satu bahagian lagi ia-lah orang2 yang menyangka dan mendakwa bahawa rumah tumpangan itu ada-lah tempat kediaman yang tetap dan kekal, dan segala barang2 dan kesenangan2 yang di-sediakan itu bukan-lah merupakan barang2 pinjaman yang sayugia di-kembalikan kapada tuan-nya yang sa-benar bahkan di-anggap-nya pemberian2 yang kekal yang mana mereka tidak akan melepaskan-nya dari tangan mereka melainkan dengan membinasakan tangan2 mereka dan menchabut nyawa2 mereka. Itu-lah sikap dan perbuatan orang2 yang degil dan jahat.

Begitu-lah gamabaran yang di-buat oleh ulama' besar itu tentang dunia dan segala isi di-dalam-nya.

### GAMBARAN

Gambaran itu memang tepat, kerana dunia ini sebenar-nya tempat kita menumpang buat sementara di-dalam perjalanan menuju alam akhirat yang kekal buat sa-lama2-nya. Segala sa-suatu yang ada di-dunia ini baik yang ada pada diri kita atau yang di-luar dari diri kita ada-lah merupakan barang2 pinjaman dari Allah s.w.t.

Bagaimana kita boleh mendengar bahawa dunia ini tempat kediaman yang kekal sedangkan di-dunia ini sendiri akan musnah bila tiba hari kiamat. Bagaimana kita boleh mendakwa bahawa kita ingin hidup di-atas dunia buat selama2 sedangkan bila tiba ajal kita, kita akan mati dan kembali juga ka-alam baqa. Bagaimana kita boleh mendakwa bahawa segala harta benda, segala kemegahan dan kesenangan di-dunia itu pameran2 abadi kapada diri kita sedangkan benda2 dan perkara2 itu bila tiba masa-nya Tuhan tarek dari kita, akan terlepas dari tangan kita.

Ada pun segala yang kekal itu ia-lah kesenangan2 yang di-sediakan Allah di-alam akhirat. Manakala kesenangan2 di-dunia ini di-banding dengan kesenangan2 di-akhirat ia-itu di-dalam Shorga menurut pandangan Allah Ta'ala tidak sampai pun sa-bagai sa-helai sayap nyamok. Betapa tidak, kata Imam Al-Ghazali sa-hari akhirat itu ada-lah kadar lima puloh ribu tahun hari di-dunia, apa-tah lagi alam akhirat itu kekal dan abadi buat sa-lama2 tentu-lah berkesudahan manusia menekmati segala nekmat dan kesenangan.

### UTAMAKAN AKHIRAT

Kerana itu ugama kita menyuroh kita memberi keutamaan kapada akhirat dan jangan sampai terpaut hati dengan dunia sa-hingga tersangat chinta kapada dunia itu ia-lah mengutamakan perbuatan, atau mengutamakan apa jua di-dunia ini yang tidak memberi munafaat kapada diri sa-sudah mati, mengutamakan kehendak hawa nafsu yang di-larang olah shara' atau mengutamakan perhiasan dan kesenangan dunia sa-mata2 sa-hingga lalai daripada menunaikan kewajipan terhadap Allah.

Rasulullah s.a.w. bersabda: Kira2 maksud-nya: *"Dunia itu di-laknat juga apa2 yang ada di-dalam -nya kechuali apa jua daripada dunia itu yang di-perbuat kerana Allah."*

Dunia yang di-chela itu ia-lah dunia kesenangan yang tidak memberi munafaat kapada akhirat, tetapi kalau dunia dan kesenangan-nya itu memberi munafaat kapada akhirat ia-nya ada-lah dunia yang di-puji, kerana Rasulullah s.a.w. ada bersabda kira2 maksud-nya: "Dunia itu ada-lah tempat bertanam yang hasil-nya akan di-nekmati di-akhirat."

Oleh yang demikian marilah kita tuntut dunia dan kesenangan2 tetapi awasi-lah diri kita supaya jangan terpaut hati dan chinta sangat kapada-nya sa-hingga lalai menunaikan kewajipan2 yang di-tuntut oleh ugama.

## Pendaftaran naik haji

DI-maalomkan kapada umat Islam di-seluroh Negeri Brunei bahawa pendaftaran untok menunaikan fardhu haji dengan kapal terbang bagi musim haji tahun 1403/1983 akan di-buka mulai 6hb Disember, 1982 hingga 6hb. Januari, 1983.

Borang2 Pendaftaran boleh di-dapati mulai 8hb. Nobember, 1982 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka dari Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pejabat Hal Ehwal Ugama di-semua daerah.

Sa-orang bakal haji boleh mendaftar di-mana2 Daerah Pendaftaran yang di-sukai-nya dengan sharat tidak lebeh dari satu pendaftaran bagi tiap2 sa-orang bakal haji, dan jika sa-seorang itu mendaftar lebeh dari satu tempat pendaftaran, maka semua pendaftaran-nya di-kira batal dan dia hendak-lah mendaftar semula.

Tiap2 sa-orang hanya di-benarkan mendaftarkan tidak lebeh daripada 10 orang bakal haji dalam satu masa pendaftaran. Pendaftaran bagi tiap2 satu kumpolan yang di-daftarkan oleh sa-seorang itu semua-nya akan di-kira mengikut tarikh dan masa yang sama pendaftaran itu di-terima.

Hanya permohonan pendaftaran yang menggunakan borang menunaikan fardhu haji yang di-keluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, yang di-isi dengan lengkap dan sempurna saperti yang di-nyatakan di-bawah ini sahaja akan di-layan dan di-terima pendaftaran-nya:—

i) Nama dan alamat serta tarikh lahir hendak-lah mengikut ejaan dan tarikh di-lahirkan yang terdapat dalam surat beranak/passport atau kad penegenalan. Surat beranak, passport atau kad pengenalan hendak-lah di-sertakan bersama2 borang pendaftaran semasa mendaftar.

ii) Nama Sheikh Haji di-Mekkah hendak-lah di-nyatakan dalam borang pendaftaran, ia-itu salah satu sheikh yang di-tetapkan oleh Kerajaan pada masa ini (Sheikh Haji Ibrahim atau Sheikh Ali Yassin Abdul Madjid.)

ii) Tiga keping gambar berukoran kad pengenalan hendak-lah di-sertakan bersama2 dengan borang pendaftaran.

iv) Tiap2 borang pendaftaran hendak-lah di-tanda tangani atau di-chap degan ibu jari kanan pemohon. Bagi pendaftaran yang di-buat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, borang pendaftaran hendak-lah di-isi sa-banyak 2 salinan (1 keping warna biru dan 1 keping warna puteh), dan bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong hendak-lah di-isi dalam tiga salinan (1 keping warna biru dan 2 keping warna puteh).

v) Surat akuan sehat daripada tabib Kerajaan yang membolehkan mereka pergi menunaikan fardhu haji hendak-lah di-perolehi. Borang2 untok pemereksaan kesihatan akan di-keluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Urusan Hal Ehwal Haji Bandar Seri Begawan, sebaik2 sahaja Jabatan ini mendapat ketetapan tarikh dari pehak yang berkenaan (perubatan) untok memulakan pemereksaan tersebut.

vi) Semua borang pendaftaran yang telah di-sampaikan dan di-terima oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Tutong dan Temburong, tidak-lah semesti-nya orang yang mendaftar itu di-layani, bahkan ada-lah sentiasa terta'alok kapada peratoran2 yang di-tentukan atau yang akan di-tetapkan dari semasa ka-semasa.

vii) Semasa di-Mekkah/Medinah hendak-lah di-nyatakan sama ada akan tinggal di-rumah yang akan di-sediakan oleh Sheikh atau di-rumah/hotel yang akan di-uruskan oleh bakal haji itu sendiri.

# Perbuatan:

# Jangan ada pada-nya sifat ria dan takbor

**Bingkisan minggu ini**

Tiap2 sa-suatu pekerjaan yang di-lakukan itu, hendak-lah di-sertai dengan perasaan suchi hati. Tidak terlintas di-dalam-nya sifat ria' dan takbor, tidak kerana megah dan sombong, tidak kerana mengharap ada udang di-sebalek batu, dan tidak pula sa-mata2 mengikut kemahuan hawa nafsu dan pengaroh supaya satu2 pehak menyukai-nya atau meminati-nya.

Sa-balek-nya hendak-lah di-lakukan dengan rasa penoh ikhlas, sebab ia-nya ada-lah merupakan satu2 kewajipan yang di-dorong oleh kebenaran dan rasa tanggong-jawab yang sa-wajar-nya. Dalam perkara tersebut Rasulullah pernah menyatakan sa-bagaimana yang di-riwayatkan oleh Al-Baihaqi:—

"Apabila tiba hari Kiamat, maka di-datangkan dunia dan segala isi di-dalam-nya, maka di-bedzakan-nya mana2 perbuatan yang di-lakukan kerana Allah, dan mana2 perbuatan yang di-buat bukan kerana Allah, maka ia akan di-lemparkan ka-dalam Neraka Jahanam."

Oleh itu Ugama Islam, ada-lah menganjorkan supaya kita umat Islam akan sentiasa mengamalkan sifat ikhlas pada sa-barang apa jua yang kita lakukan, sama ada dari segi perchakapan, perbuatan, mahu pun tindak tandok sa-harian. Jangan pula hendak-nya lain yang di-chakapkan, maka lain pula dari segi perbuatan atau kelakuan.

### KERANA ALLAH

Umpama-nya, kita di-perintahkan mengerjakan ibadat Sembahyang, puasa dan sebagai-nya. Semua surohan tersebut hendak-lah di-lakukan sa-mata2 kerana Allah, tidak kerana yang lain, bukan kerana hendak mendapatkan pujian dan sanjongan dari sa-sama makhlok, konon2 kita akan di-panggil sa-bagai sa-orang penyembahyang dan sa-bagai-nya. Jika-lah perasaan saperti itu di-biarkan bersemadi di-dalam jiwa kita, maka alamat-nya segala amalan2 yang kita lakukan itu akan menerima kerosakan dan sia2 belaka, dan sa-balek-nya kita-lah yang akan menerima dosa dari Allah nanti. Firman Allah yang bermaksud:—

*"Tidak di-perintahkan kapada mereka, melainkan supaya beribadat kapada-Ku (ALLAH) sa-mata2 ikhlas kerana-Nya."*

Pendek-nya, sa-tiap apa jua pekerjaan yang sering kita hadapi atau laksanakan, hendak-lah di-siratkan dengan rasa keikhlasan. Sebab satu2 pekerjaan itu boleh-lah di-ibaratkan sa-bagai tuboh, dan sifat ikhlas itu pula di-umpamakan sa-bagai roh-nya. Pekerjaan yang di-laksanakan dengan rasa tidak ikhlas, sama-lah jua saperti sa-batang tuboh yang kaku, yang tiada mempunyai roh. Akibat-nya, pekerjaan itu tidak mempunyai erti dan sa-terus-nya tidak ada penghargaan langsong dari Allah. s.w.t.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 17hb Nobember, 1982 hingga ka-hari Selasa 23hb Nobember, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 17hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 18hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 19hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 20hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 21hb Nob | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 22hb Nob | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 23hb Nob | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai dari pukol 12.45 tengah hari.

## Permainan lalu-lintas:

# Beri perhatian terhadap kepentingan keselamatan di-jalan raya

BANGAR.— Kemalangan melibatkan hampir semua gulongan pengguna jalan raya. Permainan Lalu-Lintas yang di-adakan di-seluroh negeri ada-lah menandakan perhatian kita kapada kepentingan keselamatan di-jalan raya.

Kata-nya, "Kita sebenar-nya bertindak menepati kehendak ajaran ugama dengan chara mengambil langkah dan ikhtiar sekali pun kita tahu bahawa malang tidak berbau dan burok baik berlaku atas kehendak Allah. Sebab apabila kemalangan terjadi baik yang melibatkan harta benda dan nyawa sudah barang tentu di-kira dan di-anggap sabagai malang, tetapi mereka akan lebeh malang lagi di-sisi Allah s.w.t. sekira-nya kejadian itu berlaku dengan sebab kechuaian, apa lagi dengan sebab kesenghajaan."

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman beruchap demikian sa-belum merasmikan Peraduan Permainan Lalu-Lintas Shell menyatakan perhatian sa-umpama itu di-berikan sa-telah kita menyedari bahaya2 yang mengancham keselamatan nyawa dan harta benda berikutan daripada perkembangan yang terdapat di-jalan2 raya serta peningkatan lalu-lintas di-semua pelusok negeri termasok sa-bahagian-nya di-kawasan2 yang boleh di-katakan terpenchil tetapi mempunyai jalan raya atau jalan kechil yang di-lalui oleh kenderaan yang berjentera.

Awang Haji Badaruddin berkata walau pun dengan keperchayaan bahawa penuntut2 dan murid2 ada-lah pengguna jalan raya yang berpotensi, dalam erti kata sekarang



PENGARAH Penerangan, Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika beruchap sa-belum merasmikan Peradaan Permainan Lalu-Lintas Shell, di-Pekan Bangar, Daerah Temburong.

mereka ada-lah pejalan2 kaki, penunggang basikal dan juga penumpang2 kenderaan; pada masa yang akan datang mereka mampu untok memandu kenderaan dan mungkin sa-bahagian dari mereka pada masa ini sudah ada yang memandu-nya. Oleh itu, wajar-lah mereka awal2 lagi di-dedahkan kapada pengalaman jalan raya dengan di-beri pengetahuan tentang undang2 dan peratoran lalu-lintas.

Beliau berharap supaya minat yang sama juga akan di-berikan oleh ibu bapa dan orang2 dewasa. Kesedaran akan bahaya2 semasa berada di-jalan raya di-kalangan kanak2 sekolah tidak dapat di-harapkan sa-bagaimana sa-patut-nya kita mengharapkan kapada orang tua mereka dan orang2 yang lebeh dewasa daripada mereka.

Kerana kata-nya, kadar keupayaan mereka berfikir tentu-lah tidak sama dengan orang2 dewasa yang banyak tahu akan jahat baik dan tentu-lah juga tidak sama keolahan kanak2 yang lebeh banyak mempunyai unsor2 permainan berbanding dengan keolahan orang2 dewasa yang berunsorkan tanggong-jawab.

Beliau menambah, kerana itu-lah kempen mengenai kesedaran akan bahaya keselamatan jalan raya kapada semua peringkat terus menerus di-lakukan melalui berbagai media.

Seianjut-nya Awang Hj. Badaruddin menyatakan pada keselurohan-nya jalan raya atau pun jalan2 kechil ada-lah untok kegunaan lalu-lintas yang melibatkan banyak golongan pengunaan-nya. Faktor yang penting ia-lah kita mesti-lah mengikhtiarkan langkah2 yang tepat bagi menjamin keselamatan kesemua peringkat pengguna.

Langkah yang sa-demikian setentu-nya bermula dari kesedaran yang mendalam akan kepentingan keselamatan harta dan nyawa termasok-lah kepentingan jalan raya itu supaya berkeadaan sentiasa selamat untok di-gunakan, ujar-nya.

Sa-banyak 8 buah Sekolah Rendah di-Daerah Temburong telah mengambil bahagian dalam Peraduan Lalu-Lintas Shell yang telah di-adakan di-Kawasan Letak Kereta Pekan Bangar, pada 17hb Nobember yang baru lalu.

Terdahulu dari itu uchapan alu2an telah di-sampaikan oleh Pengerusi Permainan Lalu-Lintas Shell bagi Daerah Temburong Ak. Mohd. Salleh bin Pg. Kamaluddin dan ini di-ikuti oleh uchapan wakil Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Awang Zaini bin Haji Omar.

Pemenang pertama dalam peraduan tersebut di-sandang oleh Sekolah Melayu Sultan Hashim, Batu Apoi, tempat kedua Sekolah Persediaan Inggeris Bangar dan tempat ketiga Sekolah Melayu Selangan. Hadiah kapada pemenang2 dan pasokan2 yang mengambil bahagian telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Hj. Zakaria bin Haji Jeneh.

Pemenang pertama dan kedua dalam peraduan itu telah mewakili daerah tersebut ka-Pertandingan Permainan Lalu-Lintas Shell Perengkat Negeri yang telah di-adakan di-Kawasan Letak Kereta Pekan Bangar pada hari Sabtu baru2 ini.

Antara yang hadhir ia-lah YB Pehin Dato Lela Raja Awang Haji Abu Bakar bin Baha, YB Pehin Dato Pekerma Dewa Awang Haji Abd. Rahim bin Akim, Penghulu2, Ketua2 kampong dan Ketua2 Rumah Panjang.

Peraduan Permainan Lalu-Lintas Shell Daerah Temburong di-kelolakan oleh Pejabat Daerah Temburong dan Jabatan Pelajaran. Peraduan tersebut di-taja oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad — MHM.



EMPAT orang jurutera pelateh Sharikat Penerbangan Diraja Brunei yang pertama telah pulang ka-tanah ayer baru2 ini sa-telah mengikuti kursus di-United Kingdom sa-lama empat tahun.

Mereka ia-lah Ang Sik Ting, Ronald Carson, Leong Nyuk Vui dan Hassan bin Tengah (gambar atas).

Ke-empat2 orang telah memperolehi lesen kejuruteraan kapalterbang dan sekarang bertugas sa-bagai jurutera di-RBA.



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh sedang menyampaikan hadiah kapada pemenang pertama Peraduan Permainan Lalu-Lintas Shell dari Sekolah Melayu Sultan Hashim, Batu Apoi, Temburong.

# Kursus2 anjoran Yunit Latehan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yunit Latehan Jabatan Perjawatan akan menganjorkan seminar dan tiga jenis kursus yang akan di-adakan dalam bulan ini dan bulan depan.

Seminar satu hari mengenai latehan dalam perkhidmatan dalam dan luar negeri akan di-adakan pada 20hb Nobember ini. Saramai 20 orang Ketua2 Jabatan, Timbalan Ketua2 Jabatan dan pegawai2 kanan Kerajaan akan menyertai seminar tersebut.

Sa-orang pakar perunding, Awang Richard Killick akan mengendalikan seminar tersebut.

Kursus Pentadbiran Awam bagi pegawai2 pentadbir akan di-adakan salama empat hari mulai 22hb Nobember. Kursus yang julong2 kali-nya di-anjorkan itu di-hadhiri oleh 12 orang pegawai pentadbir yang baru berkhidmat. Cheramah2 dalam berbagai bidang yang bersangkut dengan pentadbiran dan pengurusan akan di-sampaikan oleh tujoh orang pegawai kanah Kerajaan.

Kursus Pengenalan Siswazah dan Pemegang2 Diploma pula akan di-adakan dari 1hb hingga 4hb Disember depan. Kursus tersebut akan di-hadhiri oleh 16 orang siswazah dan pemegang2 diploma yang baru berkhidmat.

Sa-ramai 16 orang Kerani Tingkatan II akan mengikuti kursus Penyeliaan Kerani Tingkatan II yang akan di-adakan sa-lama tiga hari. Kursus tersebut bermula pada 6hb Disember dan akan mengandongi sharahan yang akan di-sampaikan oleh pegawai2 Yunit Latehan.

Sementara itu Kursus Posmen berakhir hari ini.

# Ketetapan harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga2 barang berikut di-bawah ini bermula dari minggu 17hb Nobember, 1982.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $8.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Jin Hin
   No. 69 Jalan McArthur.
2. LADA KERING — $3.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Sharikat H. Abd. Rahman
   No. 94 Jalan Chevalier.
   Leong Soon Huat
   No. 1 Jalan McArthur.
3. KACHANG HIJAU — $1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chee Guan
   No. 4 Jalan McArthur.
4. BAWANG BESAR — $0.90 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sharikat H. Abd. Rahman
   No. 94 Jalan Chevalier.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $8.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Chop How Min
   No. B Chinese Chamber of Commerce.
   Sharikat M. Haji
   No. D2 Chinese Chamber of Commerce
   Koh Kee
   No. 60 Jalan Pretty.
2. LADA KERING — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Sharikat M. Haji
   No. D2 Chinese Chamber of Commerce.
   Yick Yuen
   No. 3 Jalan Pretty.
3. KACHANG HIJAU — $1.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   Ng Ming Hong
   No. E Chinese Chamber of Commerce.
   Chop Kim Ming
   Bangunan Foo Chow
   Jalan Bunga Rambai.
4. BAWANG BESAR — $1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Sharikat M. Haji
   No. D2 Chinese Chamber of Commerce.
   Choo Seng
   No. 20 Jalan Pretty.
   Guan Heng
   No. 30 Jalan Sungai.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $8.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sim Fatt Hin
   No. 74 Jalan Bunga Kenanga.
2. LADA KERING — $3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Kun Mee
   No. 6 Jalan Sultan Omar Ali.
3. KACHANG HIJAU — $1.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Foo Hap Seng
   No. 20 Jalan Sultan Omar Ali.
   Chop Kim Huat
   No. 53 Jalan Bunga Kuning.
4. BAWANG BESAR — $1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Foo Hap Seng
   No. 20 Jalan Sultan Omar Ali.
   Haji C. A. Mohammad & Son.
   No 51 Jalan Bunga Kuning.
   Chop Siong Yick
   No. 54 Jalan Bunga Kuning.



Awang Duraman bin Mohd Yassin menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Pemangku Pengarah RTB, Awang Aziz bin Mohammad.

# RTB PILEH WAKIL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Radio dan Talivishen, Brunei telah mengadakan pertandingan membacha Al-Kor'an bagi kakitangan-nya di-Dewan Raya jabatan itu pada 4hb. Nobember, lepas bersempena sambutan awal tahun baru Hijrah.

Sa-belum achara di-mulakan, uchapan alu2an telah di-sampaikan oleh Pengerusi Pertandingan, Awang Haji Abdul Wahab bin Muhammad dan sa-terus-nya uchapan perasmian oleh Pemangku Pengarah Radio dan Talivishen Awg. Abdul Aziz bin Mohammad.

Sa-ramai lapan orang peserta telah mengambil bahagian. Johan dalam pertandingan itu ia-lah Awg. Duraman bin Mohd. Yassin, Naib Johan Hj Hassan bin Hj Jeluddin, sementara tempat ketiga di-menangi oleh Awg. Taha bin Burut.

Untok menyerikan lagi majlis itu, satu sharahan khas telah di-sampaikan oleh sa-orang Pegawai Ugama dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awg. Haji Metussin bin Hj Baki dan persembahan nashid oleh ahli2 Badan Kebajikan dan Sokan RTB.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengarah Radio Talivishen Brunei, Awg. Abdul Aziz bin Mohammad.

Johan dalam pertandingan itu akan mewakili Jabatan tersebut ka-pertandingan membacha Kor'an bagi Jabatan Pengangkutan dan Perhubongan yang akan di-adakan bulan depan. — ZHS.

# PENUNTUT2 MENINJAU TUGAS2 JABATAN UKOR

BANDAR SERIBEGAWAN. — Sa-ramai 25 orang penuntut dan dua orang guru dari Kelab Badan Ilmu Alam, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong telah mengadakan lawatan sambil belajar buat pertama kali-nya ka-Jabatan Ukor di-sini, pada 3hb. Nobember, 1982 lepas.

Sa-belum di-bawa melawat ka-beberapa bahagian di-jabatan itu, terlebeh dahulu rombongan tersebut di-beri taklimat mengenai Pentadbiran dan Tugas2 penting Jabatan Ukor yang di-sampaikan oleh Juru Ukor Kanan, Awg Mohd Taib bin Haji Said.

Kemudian pelawat2 itu di-bawa melawat ka-Bahagian Penghitongan yang mana di-dalam-nya terdapat sa-buah Mini Komputer Semi Automatik HT9820, yang di-pakai sejak tahun 1976. Di-samping itu sa-buah alat yang lebeh sofistikated yang baru tiba minggu lalu juga telah di-perlihatkan kapada pelawat2 itu.

Sa-lain dari itu, rombongan itu juga berkesempatan melihat pertunjokan chara2 penggunaan Alat2 Ukor yang di-terangkan oleh Penolong Juru Ukor Awg. Kevin R. Locke di-perkarangan jabatan itu.

Penuntut2 tesebut juga telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian di-jabatan itu saperti di-Bahagian Perlurikan dan ka-Bahagian Pemetaan. — ZHS.



Penuntut2 dari Badan Ilmu Alam Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong mendengar penerangan dari Awg. R. Locke, Penolong Juru Ukor mengenai chara2 penggunaan alat2 ukor.

# Lawatan penuntut PTE ka-Pusat Latehan AMDB

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Muzium dan Bengkel Pasokan di-Pusat Latehan Askar Melayu Diraja Brunei di-sini, telah menerima kunjongan sa-rombongan 30 orang penuntut dan tiga orang guru dari Pusat Tingkatan Enam, Gadong.

Rombongan dalam siri terakhir Lawatan Kerjaya ka-pasokan itu tahun ini, lebeh dahulu mendengar taklimat dari Pegawai Perhubongan Sekolah2, Lt. Zainal Abidin bin Ladi dan WOI Mohd. Raus mengenai perkembangan, kemudahan dan kegiatan2 pasokan itu. Penerangan tersebut di-jelaskan lagi dengan pertunjokan tayangan gambar.

Pelawat2 itu kemudian-nya beredar ka-Muzium Pasokan di-mana mereka dapat menyaksikan chatetan sejarah penubohan dan perkembangan pasokan, peralatan senjata dan lain2 kemudahan dan kegiatan chawangan2-nya.

Turut di-pertunjokkan hari itu ia-lah alat2 perhubongan, barang2 keperluan Skuadron Jurutera Pengempor, peralatan penchegahan dan pemechahan bom, senjata dan pakaian yang di-tunjokkan oleh Battalion Pertama, Chawangan Semboyan, Logistik dan Skuadron Jurutera Pengempor di-kawasan Muzium.

Juga menerima kunjongan ia-lah Bengkel Pasokan, yang mengendalikan kerja2 pembaikan kerosakan2 besar pembaikan bahagian instrument atau peralatan saperti teropong dan jam tangan. Di-Bengkel Pasokan ini terdapat banyak kekosongan yang memerlukan tenaga anak2 tempatan.

Ketika di-tanya, salah sa-orang dari guru itu berkata bahawa lawatan kerjaya sa-umpama itu di-lakukan bagi memberikan peluang sa-chara langsong dan penjelasan kapada kegiatan2 pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, bagi penuntut2 yang berminat dalam kerjaya tentera.

Dengan usaha yang sa-demikian, belia2 kita tidak akan ragu2 untok mencheborkan diri mereka dalam bidang ketenteraan, memberikan khidmat bakti mereka kapada bangsa dan negara.

Pada sa-belah tengahari-nya, pelawat2 tersebut telah meneruskan lawatan mereka ka-Angkatan Laut yang berpengkalan di-Muara. Mereka telah di-terbangkan ka-sana dengan pesawat helikopter. — A.P.



Penuntut2 tersebut mendengar penerangan mengenai dengan alat2 perhubongan yang di-gunakan oleh pasokan AMDB.

# Buku untok di-jual

BUKU Brunei Statistical Yearbook 1979/1980 yang di-terbitkan oleh Yunit Peranchang Ekonomi, Jabatan Setiausaha Kerajaan kini di-edarkan untok jualan kapada orang ramai dengan harga $5.00 sa-naskah.

Buku tersebut boleh di-beli dari Bahagian Setor dan Buku2, Pejabat Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan, pada waktu2 pejabat di-buka.

# WAKIL POS DI-BATU 18

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei kini telah mengadakan sa-buah Wakil Pos baharu mulai 1hb. Nobember, 1982 lepas.

Wakil Pos tersebut ia-lah Sharikat A.M. JORAH BERSAUDARA, No: 2 Kampong Batu 18, Jalan Tutong, Brunei.

Wakil Pos ini akan menjual setem2, surat2 udara rengan, buku2 kechil setem dan lain2, juga akan menerima benda2 pos yang berdaftar untok di-pos.

Sementara kesemua penghantaran surat2 untok kawasan tersebut di-atas akan di-buat oleh Posmen2 saperti biasa.

Oleh yang demikian, orang ramai yang tinggal di-sekitar kawasan tersebut ada-lah di-alu2kan menggunakan perkhidmatan Wakil Pos yang berkenaan. — ZHS.

# Kerajaan akan sentiasa menyediakan kemudahan2

Dari muka 2

bermula-nya pengajaran2 asas bakal guru2, untok mengajar murid2 di-negeri ini dan dengan sebab itu, ada-lah layak dan berpatutan bagi sebarang perubahan dalam asas pendidekan dan pengajaran kita bermula daripada maktab ini. Maktab ini boleh-lah pada pendapat saya, menjadi pusat pengajian terhadap perkara2 saperti kajian2 mengenai dengan chara mengajar yang lebeh effektif dan berkesan dalam berbagai2 mata pelajaran, sesuai dengan suasana dan kehendak2 negara; kajian demi menimbulkan kesedaran dan keupayaan pada menambah kemampuan murid2 untok membacha, menulis dan mengira sa-laras dengan keperluan Negeri Brunei dalam menempohi masa hadapan-nya; mengkaji chara2 yang effektif bagi guru2 sendiri meninggikan ilmu pengetahuan mereka dalam bentok ranchangan latehan dan latehan semula; pendek-nya menghidupkan Maktab Perguruan ini sebagai institute ataupun pusat pengajian tinggi yang faham benar akan keperluan masharakat-nya dan berkemampuan serta berupaya, dengan tenaga-nya yang sudah ada, untok mengadakan chara2 menyediakan kemudahan2 dan alat2 untok memenohi keperluan itu.

Saya sedar bahawa harapan ini ada-lah harapan yang tinggi, tetapi saya juga sedar bahawa jika sekira-nya kita mempunyai keyakinan terhadap diri kita sendiri, neschaya kita boleh memenohi-nya. Saya dengan sebab itu, ingin supaya kita sama2 memikirkan perkara ini dan demi muafakat serta kemampuan yang ada pada kita, tugas yang besar ini akan dapat kita jalankan dengan jaya-nya. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pelajaran akan sentiasa terus memberikan kemudahan dan menyediakan peruntokan2, tetapi cherdek pandai saperti yang ada di-Maktab ini dan dalam Jabatan Pelajaran am-nya hendak-lah menyahut chabaran ini, dengan semangat penoh keyakinan akan tenaga bakti yang boleh di-sumbangkan dan dengan ikhlas menjadikan apa yang di-nyatakan ini sebagai bahan pemikiran untok di-pertimbangkan, dan mudah2an menghasilkan kebajikan jua kapada kita semua.

Saya penoh berharap cherdek pandai kita tidak akan hanya melihat Maktab Perguruan ini sebagai pusat latehan yang mengeluarkan kumpulan demi kumpolan guru dari setahun kesetahun semata2, tetapi membuka pandangan semoga Maktab Perguruan ini di-lihat sebagai sebuah pusat pengajian yang hidup dan berkembang, di-mana cherdek pandai tetap bangga untok balek ka-Maktab ini untok menggabongkan diri dalam usaha2-nya menimbulkan hasil2 yang berkebajikan lagi 'original'. Saya juga penoh berharap semoga tuan2 dan puan2 yang baharu lulus dari Maktab ini dan guru2 lain yang telah pun lama meninggalkan Maktab ini, akan dapat balek bersemuka dengan pensharah2 di-Maktab ini, untok memberikan 'feed back' akan kejayaan yang di-chapai, masaalah2 yang di-hadapi, kebaikan dan kepinchangan chara2 yang sudah di-tunjok ajarkan demi menentukan supaya pehak2 yang berkenaan di-Maktab ini, dengan semangat akademik dan kemahuan untok terus maju dalam ilmu perguruan ini, akan dapat mengukohkan dan mengubah chorak, memperbaiki chara dan menchari 'alternative' demi 'alternative' untok kepentingan bakal2 guru yang akan datang dan, terutama-nya, untok kepentingan pelajaran anak2 bangsa kita sendiri.

Akhir-nya, saya sukachita menguchapkan setinggi2 terima kaseh dan penghargaan kapada Pengarah Pelajaran dan juga kapada Pengetua, Pensharah2, Penuntut2 dan kakitangan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, kerana menjemput saya hadhir dan memberikan saya peluang beruchap serta memberikan saya penghormatan untok menyampaikan sijil pada hari ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberikan rahmat dan nekmat-Nya dan memberkati segala usaha kita yang berkebajikan dengan kejayaan jua.



Pengarah Penerangan, Awg Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika menyampaikan cheramah kapada siswazah2 tersebut.

# SISWAZAH2 HADHIRI TAKLIMAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 28 orang graduan yang baru berkhidmat dengan Brunei Shell telah di-berikan taklimat mengenai dengan empat perkara dasar yang melibatkan jabatan2 Kerajaan pada minggu lalu.

Majlis cheramah ini ada-lah merupakan salah satu ranchangan yang terkandong di-dalam program kursus penyesuaian bagi para graduan itu.

Di-dalam majlis tersebut, mereka telah berkesempatan mendengar cheramah2 yang di-berikan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman yang sedikit sa-banyak telah menyentoh mengenai dengan struktur jabatan2 kerajaan serta dua cheramah yang di-sampaikan oleh pegawai2 kanan di-Jabatan Perjawatan dan satu cheramah daripada Penolong Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Awang Chua Peng Siong.

Mengenai dengan dasar Jabatan Perjawatan, Ak. Hj Yusof bin Pg. Kulla, Ketua bagi Perkhidmatan Yunit Pengurusan telah berchakap mengenai dengan aktiviti yunit yang di-ketuai-nya serta mengenai dengan tenaga manusia di-negeri ini. Awang Mohd Adnan Buntar, Ketua Yunit Latehan pula telah juga menyentoh mengenai dengan Program dan Polisi Latehan jabatan yang berkenaan.

Awang Chua di-akhir majlis telah membawakan topik Pembangunan dan Peranchangan Ekonomi di-Brunei.







Sa-orang peguam dari Jabatan Undang2 Kerajaan, Dayangku Zabaidah bte Pg. Kamaluddin telah kembali ka-sini, sa-telah menjalani satu penempatan kerja sa-lama dua bulan di-bahagian undang2 Shell International Petroleum Company di-London.

Di-sana Dayangku Zabaidah telah mempelajari undang2 antarabangsa dengan Royal Dutch/Shell Group bersama2 dengan Awg. John Merrett, dahulu-nya bertugas sa-bagai Penasehat Undang2 Shell Brunei (gambar atas).

Di-London, Dk. Zabaidah telah di-tempatkan di-SIPC, bagi membiasakan diri-nya dengan lain2 jabatan di-London dan The Hague termasok-lah hal ehwal awam, Pertubohan Serantau Asia Tenggara dan fungsi2 kawasan2 pajakan EP/3.

Tugas2 beliau ini ada-lah bagi membiasakan peguam2 Kerajaan mengenai dengan isu2 Undang2 Tenaga.

Sa-lain dari itu, sa-orang lagi peguam Kerajaan Awang Kifrawi Kifli juga buat masa ini sedang bertugas dengan Jabatan Undang2 Brunei Shell.

Dayangku Zabaidah ada-lah orang yang pertama di-hantar ka-London di-bawah ranchangan tersebut, dan ada-lah di-harapkan Brunei Shell akan menghantar lebeh ramai lagi kakitangan-nya.

# Tangki2 ayer di-perbaiki

SERIA. — Sharikat Brunei Shell kini sedang lanchar memperbaiki tangki2 ayer, terutama-nya tangki simpanan yang terbesar yang terdapat di-Loji Steshen Jentera di-sini.

Bekalan ayer yang sudah di-tapis itu nanti ada-lah bagi kegunaan menchegah kebakaran, kegunaan ka-rumah2 kepunyaan Sharikat, kesenangan dan kemudahan2 perusahaan dari Anduki ka-kawasan E-1 dan lain2 bahagian saperti Kem Gurkha, Pulis Panaga dan Yunit Simpanan.

Manakala bekalan yang belum di-tapis yang terdapat di-sebelah Sungai Belait di-Badas, juga akan di-masokkan ka-dalam loji perusahaan ayer di-Steshen Jentera di-sini.

Kerja2 pembaiki tersebut mengandongi dua jenis tangki ia-itu jenis tangki perusahaan ayer bertapis dan satu tangki yang belum bertapis. Kerja2 ini akan di-mulakan dalam bulan April tahun depan dan akan memakan masa sa-lama enam bulan.

## Projek penapis jalan lanchar

SERIA. — Projek penapis minyak yang baru kini sedang ranchak dalam pembenaan. Ini menyebabkan Jabatan Pembekalan berada dalam keadaan yang amat sebok.

Gudang dan setor-nya pada masa ini menyimpan $20 juta nilai barang2 yang terdiri dari 4,000 jenis bahan saperti nat2 hingga-lah tempat melabur.

Sa-tiap bahan yang tiba akan di-pereksa terlebeh dahulu, lalu di-simpan dengan chara yang mudah di-kesan untok di-gunakan bila di-kehendaki, ia-itu dengan menggunakan sistem mengawal serta merekod setok. Ini ada-lah untok memudahkan para pemborong yang menghendaki bahan2 berkenaan sa-bulan lebeh awal.

Chara begini ada-lah penting bagi membolehkan Jabatan Pembekalan menyelenggarakan rekod-nya, juga untok memastikan peranchangan awal oleh para pemborong yang pada masa ini mengeluarkan di-antara 50 hinggga 60 voucher pengeluaran bahan kapada Jabatan Pembekalan.

Kegiatan yang pesat ini di-jangka berterusan hingga penghujong bulan Mach, 1983.

## Lawatan Pengarah Gabongan Shell

SERIA. — Brunei Shell baru2 ini telah menerima kunjongan dari sa-orang Pengarah Urusan Gabongan Sharikat Shell, ia-itu Awg. Bob Hart bersama2 dengan isteri beliau Dyg. Joanne.

Dalam lawatan Awg. Bob selama tiga hari di-Brunei, beliau telah sempat berunding dengan Awg. Peter Everett, Pengarah Urusan di-samping di-beri penerangan mengenai Brunei Shell. Beliau juga sempat membuat lawatan ka-Loji Brunei LNG di-Lumut.

Awg. Bob Hart juga telah di-beri kebenaran mengadap ka-hadapan majlis Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan kemudian-nya membuat pertemuan sengkat dengan Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abdul Aziz.

Sementara itu, dalam achara yang berlainan isteri beliau Dyg. Joanne telah membuat lawatan ka-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, ka-Mazium Brunei dan di-Pusat Kesenian dan Kerjatangan di-Berakas.

# RANCHANGAN TVP — DARI 22HB HINGGA 28HB NOB.

### ISNIN — 22HB NOB.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 473.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, KERJA TANGAN, RUANGAN BERLAKUN, BERSENAM, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok CHERITA Che'gu Rokiah hari ini ia-lah KANCHIL DENGAN BUAYA.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 743.

### SELASA — 23HB NOB.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 744.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, LIHAT DAN PERHATI, SI-AMIN, PA' LONG, KETUA KESELAMATAN, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 744.

### RABU — 24HB NOB.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 745.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, KATA SI-MANIS, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.
Untok gambar dan sebutan Che'gu Rokiah akan mengajar huruf "Gg" dan chontoh2-nya.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 745.

### KHAMIS — 25HB NOB.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 746.
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, HALAMAN MENYANYI, MAIN BANG, BELON SI-MANIS, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 746.

### JUMAAT — 26HB NOB.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, GAMBAR DARI RUMAH, MAIN BAKUL, BELON SI-MANIS, KAJI-AN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 27HB NOB.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 747.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, SI-MANIS, MAIN KERUSI, YANG MANA GANJIL, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 747.

### AHAD — 28HB NOB.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, SI-MANIS, MAIN KERUSI, HALAMAN BELAJAR dan CHERMIN SAKTI.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika bersabda merasmikan perayaan tersebut.

# Pera
# tah
# S.M. Ch

YTM Paduka Seri Duli Pengiran
zir Sahibol Himmah Wal-Waqar
da Mohamed Bolkiah pada ha
Nobember, 1982 telah berkenan
rasmikan perayaan ulang tahu
pembukaan rasmi bangunan Ta
ma guru2 Sekolah Menengah
Bandar Seri Begawan.

Keberangkatan tiba Yang Te
telah di-alu-alukan oleh Penger
asa Sekolah Menengah Chun
YDM Pehin Kapitan China
Awang Lim Teck Hoo serta
tersebut yang berbaris di-kiri ka
sok sekolah berkenaan.

Di-samping menyabdakan uc
an, Yang Teramat Mulia itu ju
jong untok membuat lawatan
gian bangunan sekolah serta b



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar di-junjong berangkat dan di-alu-alukan dengan kibaran bendera oleh murid2 sekolah tersebut.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Pe
Bolkiah ketika menerima chenderamat
Pengerusi Jawatankuasa sekolah terseb



ANTARA jemputan khas yang hadhir sama di-perasmian itu.



BENTOK bangunan lama sekolah tersebut yang terdapat sekitar tah

# yaan ulang un ke-60 ung Hwa, BSB

dana Wa-
giran Mu-
khad 7hb.
ngkat me-
-60 serta
dan asra-
ng Hwa,

Mulia itu
awatanku-
wa, BSB,
a Diraja,
2 sekolah
jalan ma-

perasmi-
h di-jun-
pa baha-
pameran

yang telah di-atorchara untok meraikan perayaan tersebut.

Sa-lain itu, Yang Teramat Mulia itu juga berserta dengan lain2 jemputan khas telah sama2 dapat menyaksikan persembahan tarian dari murid2 sekolah berkenaan.

Sa-bagai memperingati keberangkatan itu, Pengerusi Jawatankuasa, YDM Pehin Kapitan China Kornia Diraja Awg. Lim Teck Hoo telah menyembahkan chenderamata kapada Yang Teramat Mulia.

Antara pembesar negara yang hadhir termasok-lah TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, YTB Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, YAB Pemangku Menteri Besar, YAM Pengiran Speaker Majlis Mashuarat Negeri, YAM Pengiran2 Cheteria serta pegawai2 kanan Kerajaan.



ANTARA pembesar2 negara yang turut hadhir di-majlis perasmian perayaan tersebut dudok bersama-sama YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar di-atas pentas khas.



Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed
ri YDM Pehin Kapitan China Kornia Diraja Awang Lim Teck Hoo,



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika di-junjong melawat sa-bahagian dari pameran.



an yang tapak-nya kini di-mileki oleh bangunan dan kawasan Lapau.



SA-BAHAGIAN dari bangunan baru dan tambahan sekolah tersebut.

**intisari RTB minggu ini**

### Radio minggu ini:

# BAGAIMANA ACHUAN BEGITU-LAH KUEH-NYA

Di-suatu kesempatan. Berforam di-kedai kopi. Topik-nya; ranchangan2 radio. Diskusi panas, bagaikan berasap. Saperti kopi yang sedang terhidang di-hadapan masing2. Hari itu saya belanja khusus untok memikat pendapat dua orang teman saya, yang istimewa saya pileh. Sa-orang terkenal dengan keritik-nya yang kental, pada mata-nya sa-olah2 tidak ada jenis makhlok manusia di-dunia ini yang betul. Dan sa-orang lagi mempunyai bakat semula jadi yang pintar dalam menepis apa saja jenis keritik, tidak ada yang tidak dapat di-patahkan-nya. Pendapat mereka itu besar guna-nya bagi saya ia-itu untok mengisi ruangan Radio Minggu Ini.

Sambil menyandar di-kerusi kedai kopi itu, Simpul Bular melepaskan keritik-nya; "Saya chukop hairan dengan ranchangan2 radio ini. Brunei sudah mahu merdeka esok lusa, ranchangan radio maseh juga chinta asmara. Tidak habis2 dengan I Love You. Chuba ikut ranchangan lagu2 permintaan-nya. Balek2 salam manis, salam rindu. Tunggu daku di-pintu shorga. Bagaimana hendak di-tunggu di-pintu shorga, sembahyang pun tidak."

Si-Udin Untut segera menyampok, "Kita tidak boleh salahkan radio. Yang meminta lagu tu orang ramai. Yang mengirimkan uchapan chinta tu pun orang ramai. Bukan orang radio. Kalau orang radio tidak sampaikan, orang ramai marah. Bila uchapan mereka di-ubah-ubah, orang ramai kompelin. Orang ramai tulis surat layang sana sini."

Simpul Bular naik semangat. "Macham mana pulak kita yang salah. Tidak sangkut paut." "Macham mana kita tidak salah," kata Udin Untut. "Mengapa kita orang ramai tidak minta lagu permintaan dengan uchapan; sudah sembahyang kadhakah belum?. Bukankah berfaedah bunyi-nya. Atau dengan uchapan, bila lagi mahu ka-Mekah, Jabal Rahmah sudah melambai. Atau dengan uchapan, tahniah atas kejayaan saudara membuka sa-buah Supermarket Bumiputera di-Bandar BSB tu."

Pertama kali Simpul Bular mati akal. Dia menghirup kopi yang sudah timbul kepala susu kerana lama sangat berforam. Fikiran-nya hidup kembali, "Ah, bukan lagu permintaan saja. Cherpen, Sandiwara Radio sama juga penoh dengan chinta. Macham-lah mereka sahaja yang pandai berchinta dalam dunia ini."

"Itu-lah awak tidak faham selok-belok radio," kata Udin Untut. "Yang menulis kesah2 chinta asmara itu bukan orang radio. Orang ramai juga pakai nama samaran macham2. Habis kita salahkan orang radio. Kalau sunggoh kita tidak sukakan cherita2 chinta asmara tu, tulis sandiwara radio mengenai kemajuan bumi putera jadi jutawan, jadi taukeh, jadi manager. Kita chuma pandai keritik saja." Udin Untut semakin galak. Dan Simpul Bular pun tidak mahu surut nampak-nya, lantas saya masok menjadi orang tengah. "Kedua2 saudara mempunyai idea2 dan chara2 mengkeritik yang first class. Kedua2 saudara betul kerana dapat memberikan fikiran untok orang radio dan orang ramai untok meningkatkan nilai ranchangan2 radio itu. Kita tidak dapat menyalahkan antara satu sama lain, kerana ada orang pandai2 berkata, radio itu mencherminkan peribadi masharakat-nya, maka tepat-lah bagai kata pepatah; bagaimana achuan begitu-lah bentok kueh-nya. Kalau ini dapat di-katakan benar maka kita tentu-lah dapat sama2 berusaha untok membentok sa-buah achuan yang mempunyai identiti kita sendiri."



### Sandiwara radio minggu ini:

# Senang Di-Chari Susah Di-dapat

RUANGAN Sandiwara Radio Minggu Ini akan di-isikan dengan sa-lengkar kesah drama hidup manusia yang di-beri jodol SENANG DI-CHARI SUSAH DI-DAPAT tulisan Adi Ratna, Brunei.

Watak Asri yang dari kechil-nya di-bawah jagaan Tipah dan telah menjangkau usia 17 tahun, sudah tidak merasa ragu2 lagi untok menerima hakikat yang sa-benar tentang siapa dan dari mana asal-usul-nya. Mengikut cherita Tipah, Asri maseh mempunyai sa-orang kakak kandong yang dalam ingatan-nya di-tinggalkan oleh aruah emak mereka di-rumah Enche Karim. Kerana itu-lah ia pasti yang kakak kandong Asri itu ada dalam jagaan Enche Karim suami-isteri.

Dengan tekad untok menemui kakak-nya, Asri pun pergi ka-bandar. Dari sini-lah drama bermula di-mana Asrinah (kakak Asri) sa-bagai sa-orang yang di-besarkan dalam kemewahan agak berbeza watak-nya dari Asri sendiri. Walaupun ada saat2-nya mereka bertemu dengan tidak senghaja, namun jalan untok mereka belum terbuka antara satu sama lain.

Watak Asrinah yang di-bayangkan oleh penulis sa-bagai sa-orang yang manja itu tiba2 berubah sikap akibat oleh gangguan tafsiran mimpi-nya sendiri. Dalam mimpi itu Asrinah di-beri bayangan yang ia mempunyai sa-orang adek lelaki. Kerana itu-lah Asrinah merasa ragu akan kedudokan-nya sendiri dalam keluarga-nya. Dari sana-lah hati-nya mulai meronta2 ingin hendak mengetahui perkara yang sebenar-nya.

Kesah dari mimpi itu-lah yang mendorong Asrinah untok menanyakan tentang siapa diri-nya yang sa-benar kapada Kalsom dan Karim yang dalam pengetahuan-nya ada-lah kedua orang tua-nya.

Mungkin-kah Asrinah akan menemui adek-nya saperti yang terjadi dalam mimpi-nya? Bagaimana pula hal-nya dengan Asri, berjaya-kah ia menchari hasrat-nya itu? Untok mengetahui kesudahan cherita, kami persilakan para pendengar khusus-nya peminat ranchangan ini untok mengikuti siaran-nya pada 21hb. Nobember, 1982 jam 10.30 pagi.

Ranchangan ini di-terbitkan oleh Dk Maskupah Pg Tajuddin.

# IRAMA DAKWAH

PENELITIAN pada senikata lagu yang berunsor dakwah dalam beberapa sudut boleh memberangsang orang ka-arah takwa kapada Allah.

*Insaf-lah wahai saudara*
*Bila umor telah dewasa*
*Masa kechil kenangan belaka*
*Sa-telah tua rasa kechewa*

*Bekalan hidup mesti di-jaga*
*Dunia laksana tempat bersedia*
*Di-akhirat kelak akan di-kira*
*Baru-lah kita akan merasa.*

*Insaf-lah wahai anda semua*
*tiada yang mulia di-antara kita*
*Hanya-lah mereka yang lebeh bertakwa*
*Bertakwa kapada Allah.*

Ikuti-lah Ranchangan Irama Dakwah keluaran bulan Nobember 1982 pada 19hb Nobember 1982 jam 1.30 tengah hari.

# Ramalan chuacha di-radio

RAMALAN chuacha yang di-siarkan oleh Radio Brunei tiap2 hari: Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Sabtu, sa-lepas warta berita Melayu, Inggeris dan China, telah bermula 4hb Oktober lalu, bertujuan memberikan maalumat dan penerangan kapada orang ramai khas-nya pelaut2 dan petani2 untok mengetahui keadaan chuacha sa-tiap hari dan ketika.

Kedua2 gambar ini, ia-lah menunjokkan alat2 yang di-gunakan oleh pegawai2 kaji chuacha di-Jabatan Kaji Chuacha Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



MELALUI alat yang menjulang tinggi di-atas bukit ini yang punchak-nya sa-olah2 berbentok belun raksaksa, Bahagian Kaji Chuacha dapat meramalkan keadaan chuacha di-seluroh negeri ini.



DENGAN pertolongan alat radar yang berbentok kawah tengadah ini, Bahagian Kaji Chuacha dapat pula menerima ramalan2 chuacha dari negara2 Asean. Ramalan chuacha dari ibu kota negara2 Asean juga di-siarkan oleh Radio Brunei pada tiap2 hari.

## BAKAT BARU MELALUI PERTANDINGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Sepak Takraw Brunei berharap dapat menyaksikan kemunchulan bakat2 baru melalui Kejohanan Sepak Takraw Kebangsaan terbuka kapada persatuan, kelab2 dan jabatan2 yang akan mereka anjorkan nanti.

Ini di-jelaskan oleh Setiausaha Agong Persatuan tersebut 'Pestabaru', Awang Haji Tuah Noordin dalam satu wawanchara sengkat dengan 'Pelita' minggu lalu.

"Ada-lah di-harapkan melalui kejohanan yang merupakan projek tahunan kami itu akan membolehkan kami memerhatikan mana2 pemain yang menunjokkan kemampuan mereka bagi di-pileh menjadi pemain kebangsaan," tambah Haji Tuah.

Dalam lapangan sokan sepak takraw sa-jauh ini, Brunei ada-lah merupakan salah sa-buah negeri yang menjadi sebutan negara2 yang mempopularkan sokan tersebut.

Atas alasan itu-lah jelas Haji Tuah lagi, Pestabaru akan terus berusaha untok mempertinggikan lagi mutu pemain2 sepak takraw negeri ini melalui perlawanan2 yang sa-dapat mungkin boleh di-anjorkan.

Borang2 bagi menyertai kejohanan yang akan di-anjorkan itu nanti sekarang boleh diperolehi daripada beliau sendiri di-Bahagian Pendidekan Jasmani Jabatan Pelajaran dan Pengiran Metassan bin Pengiran Bakar di-Pejabat Undang2 dan Awg Mokti bin Ghani di-Sekolah Rendah Dato Ahmad ketiga2-nya di-Bandar Seri Begawan.

Di-Daerah Belait borang2 tersebut boleh di-dapati dari Awang Ismail bin Apong di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dan Awang Md Daud bin Ismail di-Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin.

Borang2 penyertaan yang telah di-isikan hendak-lah dikembalikan tidak lewat daripada 27hb. Disember ini.



Sa-pasokan 18 orang pemain bolasepak Amatur Negeri Brunei di-sertai oleh 5 orang pegawai di-ketuai oleh Ahli Majlis Mashuarat Negeri, YB Awang Haji Abd Latif bin Abd Hamid, bertolak ka-Kota Kinabalu minggu lalu untok menyertai perlawanan bolasepak Piala Borneo yang berlangsong di-Padang Komplek Sokan Likas.

Sa-belum bertolak satu upachara sengkat penyampaian Bendera Brunei telah berlangsong di-Bilek Bachaan Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan. Bendera tersebut telah di-sampaikan oleh Pemangku Setiausaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib kapada ketua pasokan Awang Ali bin Haji Ismail (gambar atas).




## LIMA PASOKAN DALAM BOLASEPAK GURU-GURU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak lima pasokan akan menyertai perlawanan Bolasepak Guru-Guru antara daerah yang dianjorkan oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei kali ka-tiga.

Perlawanan di-jadualkan bermula dengan pertemuan diantara Pasokan Guru-Guru Brunei Muara Kumpulan Satu dengan Pasokan Guru-Guru Belait pada 21hb. Nobember ini di-Padang Maktab Anthony Abell Seria.

Pasokan Guru-Guru Brunei Muara Kumpulan Dua akan bertemu dengan Pasokan Temburong di-Sekolah Melayu Bangar.

Dalam perlawanan berikutnya ia-lah antara Pasokan Brunei Muara Kumpulan Satu dengan Pasokan Temburong dan Pasokan Belait dengan Pasokan Tutong. Masing2 akan di-jalankan di-Padang Sekolah Melayu Bangar dan Padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. Kedua2 perlawanan akan berjalan pada 26hb. Nobember ini.

Dua lagi perlawanan yang akan di-jalankan pada 28hb. Nobember ia-lah antara Pasokan Brunei Muara Kumpulan Dua dengan Pasokan Belait dan Pasokan Brunei Muara Kumpulan Satu dengan Pasokan Tutong. Perlawanan akan berjalan di-Padang Maktab Anthony Abell Seria dan Sekolah Melayu SMJA Bandar Seri Begawan.

Empat lagi perlawanan yang lain-nya akan di-jalankan dalam bulan Disember depan.

Pasokan Daerah Brunei Muara Kumpulan Dua akan bertemu dengan Pasokan Tutong di-Padang Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong dan Pasokan Belait dengan Pasokan Temburong. Kedua2-nya akan berlangsong pada 3hb. Disember.

Dalam perlawanan pada 5hb. Disember, Pasokan Brunei Muara Kumpulan Dua akan bertemu dengan Pasokan Daerah Brunei Muara Kumpulan Satu manakala Pasokan Tutong akan bertemu dengan Pasokan Temburong. Kedua2 perlawanan akan berlangsong di-padang Sekolah Melayu SMJA di-sini.

Perlawanan akhir bagi kejohanan tersebut di-jangka berlangsong di-Padang Sekolah Menengah Melayu SMJA pada 10hb. Disember depan.

## SHARAT BARU PIALA AZIZ

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa peratoran telah di-ambil dalam satu mashuarat jawatankuasa perlawanan Piala Aziz bagi memantapkan lagi kedudokan perlawanan tersebut di-masa akan datang.

Sa-tiap jabatan yang ingin menyertai perlawanan tersebut di-gesa menganjorkan liga-nya sendiri dengan tidak kurang dari tiga pasokan menyertai-nya.

Jabatan2 yang boleh mengadakan 8 orang pasokan dalam liga mereka, di-bolehkan menghantar dua pasokan perlawanan piala tersebut.

Mana-mana pasokan yang menarek diri sa-belum dan sa-lepas jadual perlawanan di-susun akan di-gantong buat satu musim dari menyertai perlawanan itu dan sumbangan kewangan tidak akan di-kembalikan.

Sa-bagai penghormatan, pasokan yang akan menjadi johan dalam perlawanan tahun ini dengan sendirinya menjadi pasokan yang akan bertanding dalam perlawanan tahun depan.

Perkembangan perlawanan Piala Aziz yang sedang berjalan ketika ini menurut Haji Tuah bin Noordin selaku Pegawai Perhubongan dan Penerangan ada-lah memuaskan di-mana mutu dan taraf pemain nampak kian meningkat.

Ketika ini bolesepak telah masok ka-perlawanan suku akhir-nya di-mana sa-banyak lapan jabatan telah berjaya melayakkan diri mereka dalam peringkat tersebut.

Dua perlawanan akan di-jalankan sa-chara berasingan pada 19hb. Nobember ini.

Johan Kumpolan II ia-itu Jabatan Pelajaran akan bertemu dengan Naib Johan Kumpolan IV ia-itu Jabatan Kerja Raya di-Padang Sekolah Melayu Jamalul Alam di-sini.

Sementara itu Johan Kumpolan IV ia-itu Pejabat Daerah akan bertemu dengan Naib Johan Kumpolan I ia-itu Jabatan Penerbangan di-Padang Jabatan Kerja Raya di-Berakas.

Pada 21hb. Nobember, Johan Kumpolan I ia-itu Jabatan Kastam akan bertemu dengan Jabatan Bandaran selaku Naib Johan dalam Kumpulan III bertempat di-Padang Jabatan Kerja Raya.

Di-Padang SMJA Johan Kumpolan III ia-itu Jabatan Letrik akan bertemu dengan Jabatan Odit ia-itu pasokan yang menjadi naib johan dalam Kumpulan II.

Perlawanan sa-paroh akhir di-jangka berjalan pada 26hb. Nobember ini.

## Tujoh sa-pasokan kian di-minati

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bolasepak tujoh orang sa-pasokan jelas sekali menarek kalangan belia dan persatuan2 tanah ayer dengan bertambah-nya bilangan penganjor sokan tersebut.

Perlawanan yang terbuka kapada pasokan2 dengan Brunei Muara akan diadakan pada 12hb. Disember depan di-Padang Sekolah Melayu Lumapas.

Perlawanan yang julong2 kali-nya di-anjorkan oleh Kampong Lumapas itu ada-lah merupakan salah satu projek tahunan sempena memperingati sambutan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Satu oskar rebutan khas bagi perlawanan itu telah dihadiahkan oleh Pegawai2 Latehan Pendidekan Jasmani Jabatan Pelajaran Brunei.

Borang2 penyertaan yang mesti di-kembalikan tidak lewat dari 5hb. Disember boleh di-perolehi dari Awang Latif bin Haji Nudin di-Kampong Lumapas, Hamid bin Haji Kamis di-Rumah AMDB Berakas dan Ak. Abu Samah bin Pg Ismail di-Pejabat Laut Bandar Seri Begawan.

Sementara satu perlawanan serupa yang terbuka hanya kapada pendudok2 Mukim Tamoi juga di-anjorkan oleh Pasokan Bolasepak Kampong Pengiran Kerma Indera Lama.

Tarikh bagi perlawanan itu belum lagi di-putuskan, tetapi menurut setiausaha perlawanan penyertaan yang akan di-tutop pada 29hb. Nobember ini sedang di-buka kapada mereka yang ingin menyertai-nya.

Perlawanan yang juga julong2 kali-nya di-anjorkan oleh pasokan bolasepak tersebut ada-lah bagi merebut piala yang dihadiah oleh Penghulu Mukim Tamoi Pengarah Haji Metussin bin Haji Abdullah.




Pasokan Lumba Perahu Brunei yang menyertai lumba perahu Merlion Antarabangsa di-Singapura pada 20hb. Jun tahun ini sedang menuju ka-tempat berlepas. Pasokan Brunei telah mendapat tempat kedua dan keempat dalam dua achara yang di-pertandingkan.

## Brunei di-jangka serta Lumba Perahu Naga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei sekali lagi dijangka menyertai pertandingan Lumba Perahu Naga Antarabangsa yang akan berlangsong di-Singapura dalam bulan Jun tahun depan.

Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan sedang menganjorkan satu pemilehan untok pekayoh2 yang akan mewakili negeri ini bagi pertandingan itu nanti.

Pemilehan hanya-lah terbuka kapada Warga Negara Brunei yang berumor diantara 18 hingga 40 tahun, pandai berenang dan mempunyai berat badan tidak lebeh daripada 150lbs.

Borang2 penyertaan dan keterangan lanjut mengenai pemilehan tersebut sekarang boleh di-perolehi daripada nama2 dan alamat berikut:

a) Awang Norshah bin Haji Abdullah, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, BSB, Brunei. Tel: 22903/26846
b) Awang Haji Sulaiman bin Mohammad, Pasokan Bomba, Brunei. Tel: 23671 atau 22556
c) Awang Haji Salleh Haji Laidin, Pejabat Laut, Brunei. Tel: 22293
d) Awang Adinin Haji Mayalin, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Brunei; Tel: 25911 Ext. 124 dan
e) Di-semua chawangan2 Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-Daerah Belait dan Tutong.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Penerbit di-RTB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen Brunei.

1. PENERBIT (TV PENDIDEKAN)

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5 — $1735-$2580 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman sa-bagai penolong penerbit dan telah memboktikan kebolehan dayachipta sa-bagai pengarah/penerbit di-bidang tv pendidekan. Pengalaman mengajar merupakan satu kelebehan. Pemohon2 yang memegang ijazah universiti di-dalam matapelajaran yang berkenaan mesti-lah mempunyai pengalaman dan /atau kebolehan dalam penerbitan tv pendidekan. Sukatan gaji bagi pemegang2 ijazah akan di-sesuaikan.

**Tugas2 :**

Menerbit/mengarah ranchangan2 tv pendidekan dan menyediakan nota2 dan alat2 mengajar untok meningkatkan ranchangan2 tersebut. Usaha2 menerbitkan ranchangan ini memerlukan penerbit-nya supaya menyelidek, menulis skerip, mengambil artis dan memileh kemudahan2 untok liputan luar, rakaman rekabentok dan pembenaan set. Sa-bagai ketua kumpolan penerbitan, sa-seorang Penerbit ada-lah bertanggong-jawab terhadap mutu dan teknik penerbitan. Dia juga bertanggong-jawab untok mempastikan supaya tugas2 kakitangan di-bawah arahan-nya di-susun dengan rapi. Dia di-kehendaki mengeluarkan nota kapada guru2 dan penuntut2 dan menyediakan alat2 mengajar dengan tujuan untok meningkatkan mutu ranchangan itu. Penerbit itu juga di-kehendaki melawat sekolah2, berjumpa dengan para guru dan membantu Penolong2 Penerbit.

2. PENOLONG PENERBIT (TV PENDIDEKAN)

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB.3 — $1110—$1980 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sijil Perguruan dan sekurang2-nya dua tahun pengalaman mengajar sama ada di-perengkat rendah atau menengah. Faseh bertutor dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan Melayu dan mempunyai pengetahuan luas sa-kurang2-nya dalam satu matapelajaran. Pemohon2 yang mempunyai diploma penerbitan talivishen dan mempunyai minat dalam aspek pendidekan sa-kurang2-nya dalam satu matapelajaran boleh juga memohon. Pemohon2 yang lulus dua matapelajaran G.C.E. Perengkat "A" dan berminat serta mempunyai kebolehan dalam penerbitan talivishen boleh juga di-pertimbangkan.

**Tugas2 :**

Membantu menerbitkan ranchangan2 saperti yang di-kehendaki oleh Ketua TV Pendidekan. Penolong Penerbit di-kehendaki menyediakan nota untok guru2 dan penuntut2 serta alat2 mengajar yang bertujuan untok meningkatkan pengetahuan dan penontonan. Salain daripada itu, dia juga di-kehendaki melawat sekolah2, menilai ranchangan2 ETV serta kesan-nya, dan membantu para guru menggunakan ranchangan2 ini dengan terator dan berkesan.

3. PENOLONG PENERBIT (RANCHANGAN TV)

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-$1980 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus sa-kurang2-nya dua matapelajaran G.C.E. Perengkat "A" atau yang sabanding dengan-nya, atau mempunyai diploma penerbitan talivishen dan minat mengenai penerbitan ranchangan2 saperti sokan, ugama, musik dan hiboran. Perlu boleh menulis dan bertutor dalam Bahasa Inggeris dan Melayu. Permohonan2 daripada kakitangan2 RTB akan di-pertimbangkan dengan sharat pemohon2 itu mempunyai minat yang mendalam serta kebolehan/pengetahuan yang luas mengenai penerbitan talivishen dan telah memegang jawatan masing2 sa-kurang2-nya salama 3 tahun.

**Tugas2 :**

Membantu menerbitkan ranchangan2 'am dan ranchangan2 tertentu yang di-arahkan oleh Ketua Penerbitan Talivishen. Ranchangan2 yang di-terbitkan boleh juga di-ertikan sa-bagai ranchangan2 ringan, walau bagaimanapun, kualiti dan teknik penerbitan-nya mesti-lah menchapai tahap yang di-terima.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kombalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb. Nobember, 1982.

(E/18/75)

(Bilangan: 310/1982).

## SA-BAGAI JURUTERA PELABOHAN DI-JABATAN PELABOHAN2

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai JURUTERA PELABOHAN di-Jabatan Pelabohan2 Brunei.

**Tangga Gaji :**

B. 2 EB. 3 — $1975-$3640 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Ijazah Sarjana Muda Sains atau Diploma dalam Kejuruteraan Mekenikal dan Ahli atau Ahli Bersekutu Institut Jurutera2 Mekanikal atau kelayakan2 yang sebanding dengan-nya

b) Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 5 tahun di-dalam pergerakan dan pengurusan Bengkel2 Mekenikal yang berhubong dengan membaiki dan memelihara jentera2 berdisil berat yang bergerak

c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengawalan buroh dan berkebolehan memberi latehan praktikal kapada "artisan" dan pengendali2 logi. Kebolehan bertutor dalam bahasa Melayu ada-lah satu kelebehan.

**Tugas2 :**

a) Pergerakan dan penguruan bengkel mekenikal di-Jabatan Pelabohan mengawas kerja2 membaiki, memelihara dan menyelanggara jentera2 mekenikal pemunggahan kargo

b) Pemeliharaan dan membaiki kelengkapan2 pelabohan termasok bangunan2, sistem2 letrik, ayer dan penchegah dan jentera peti simpanan sejok.

**Sharat2 Lantekan :**

Selain daripada gaji, bonos tahunan juga di-bayar. Faedah2 termasok-lah baksis pada kadar 25%, tambang perchuma, elaun pelajaran, chuti bergaji, bantuan perumahan dan pinjaman wang (tidak berfaedah) untok membeli kereta. Chalon2 yang berjaya akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei. Tarikh tutop : 18hb. Disember, 1982.

(E/138/76)

(Bil : 313/1982)

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — KENYATAAN TAWARAN

**BIL: 294 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "C" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 22hb. Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

MEMBAIKI, MENCHAT SEMULA DENGAN LENGKAP DAN PENGUBAHAN KAPADA TANDAS YANG ADA DI-PEJABAT PENERANGAN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL: 295 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 22hb. Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

MEMBUAT DAN MEMBEKAL 60 SET PERABOT KELAS III BAGI 5 BLOCK RUMAH2 PANGSA 'E' JABATAN PELAJARAN, ANGGEREK DESA, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL: 296 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "AX" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 22hb. Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

MEMBUAT DAN MEMBEKAL 72 SET PERABOT KELAS II BAGI 6 BLOCK RUMAH2 PANGSA 'C' DI-ANGGEREK DESA, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL: 297 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 22hb. Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

MEMBUAT DAN MEMBEKAL 18 SET PERABOT KELAS I BAGI 3 BLOCK RUMAH2 PANGSA 'B' DI-ANGGEREK DESA, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL: 298 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 22hb. Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

MEMBAIKI ATAP KONKRET DI-MASJID UTAMA MOHAMMAD SALLEH. PEKAN BANGAR, TEMBURONG.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL: 299 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 22hb. Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

PEMBENAAN 2 UNIT BANGUNAN BAGI SITE STAFF DI-P.W.D. DEPOT YANG DI-CHADANGKAN, KAMPONG BENGKURONG, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL: 300 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 22hb. Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

CHADANGAN JALAN MASOK KOLAM KOLAM AYER SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL. 301 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "C" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

KERJA2 MEMBAIKI DAN MEMPERBAHARUI TANDAS, TINGKAT BAWAH DI-BANGUNAN SETIAUSAHA KERAJAAN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL. 302 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

PEMBENAAN DAN MEMBAIKI TANDAS2 YANG ADA DI-SEKOLAH SMJA, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL. 303 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "AX" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

PEMBENAAN DEWAN MAKAN DAN TUCK-SHOP BAGI S.M. SENGKARAI, TUTONG.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL. 304 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

MEMBAIKI BAHAGIAN LUAR DAN MENCHAT SEMULA RUMAH PANGSA KELAS 'B' YANG ADA DI-KAMPONG ANGGERAK DESA, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL. 305 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

MEMBAIKI DAN MENCHAT SEMULA ASRAMA PEREMPUAN S.M. PUSAR ULAK, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL. 306 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

CHADANGAN PEMBAHARUAN DAN TAMBAHAN BAGI STESHEN PEMANCHAR R.T.B., JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**BIL. 307 TAHUN 1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "AX" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb Nobember, 1982 bagi kerja2 yang berikut:—

TAMBAHAN SETOR PERALATAN (SCENERY) DAN KAWASAN PENAROHAN KENDERAAN LUAR BAGI RTB. YANG DI-CHADANGKAN DI-JALAN DATO AHMAD, BERAKAS, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya Bandar Seri Begawan, Brunei.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICE

TENDER NO. 129 (AC) 82

TENDERS will be received from registered Air Conditioning Contractors, Class A & B up to 12.00 noon on Monday 6th. December, 1982 for the:—

REPLACEMENT OF THREE 250 TR COOLING TOWERS SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL KUALA BELAIT

Tender deposit is $300.00.

Tender documents, condition and all particulars can be obtained at the office of the Building Services Section, Electrical Services Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDERS FOR THE TEMBURONG HOUSING ESTATE PROJECT

TENDERS will be invited from Class A Contractors registered at Public Works Department, Brunei, by Tenders Board at State Secretariat Building, not later than 12.00 noon on 7th December, 1982 for the following works:

Temburong Housing Estate Project (Vote No. 414/5)

a) Earthworks
b) Roadway
c) Drainage

Tender Documents and further information can be seen and obtained from the office of Derwish Consulting Engineers and Quantity Surveyors, Block F, Shop 8, 1st Floor, Seri Shopping Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PELATEH PENTADBIR RUMAH SAKIT

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PELATEH PENTADBIR RUMAH SAKIT

Gaji: D. 3 EB. 4 — $720-$1175 sa-bulan.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus 5 mata-pelajaran perengkat 'O' termasok Bahasa Inggeris dan 2 mata-pelajaran perengkat 'A'.

**Umor :**

20 hingga 25 tahun.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia bekerja di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Chalon2 yang berjaya pada mula-nya akan di-lateh di-Brunei dengan di-tempatkan di-berbagai bahagian Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan di-lain2 Jabatan Kerajaan. Sa-telah menjalani latehan ini mereka akan di-hantar ka-seberang laut untok latehan akademik.

2. TUKANG TEROPONG PERCHUBAAN

Gaji: D.1 EB.2-3 — $425-$900 sa-bulan.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

**Tugas2 :**

Sekurang2-nya 18 tahun tetapi tidak lebeh dari 35 tahun.

a) Mesti-lah mempunyai kesanggupan bertugas di-mana2 daerah di-dalam negeri ini.
b) Mesti-lah bersedia menjalankan lain2 tugas menchegah Malaria sa-bagaimana yang mungkin di-arahkan oleh Pengarah di-samping tugas2 yang di-sebutkan di-atas.
c) Memereksa chontoh2 darah bagi Malaria dan Filariasis dan membuat kerja2 makmal yang lain.

3. PEMBANTU MAKMAL

Gaji: M.3 EB4—$455-$940 sa-bulan.

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai sijil Pemandu Makmal yang di-iktiraf oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan atau yang sebanding dengan-nya.
b) Pemohon2 yang mempunyai kelulusan akademik sa-hingga Tingkatan III akan di-beri keutamaan.
c) Bersedia bertugas di-mana2 daerah di-negeri ini.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak tidak lewat dari 11hb Disember, 1982.

(E/332/78)

(Bil: 318/1982)

### JOGGING TRACK, CARPARKS, ROAD AND FENCING TO MB'S AND SUK'S RESIDENCES AT JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

1. TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran dari pemborong Kelas A bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

JOGGING TRACK, CARPARKS, ROAD AND FENCING TO MB'S AND SUK'S RESIDENCES AT JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

2. Tawaran2 hendak-lah di-masokkan ka-dalam Peti Tawaran yang terletak di-luar pejabat Pegawai Kewangan Negara di-Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29hb Nobember 1982.

3. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

4. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK JOGGING TRACK, CARPARKS, ROAD AND FENCING TO MB'S AND SUK'S RESIDENCES AT JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

5. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

AKITEK BERJAYA
Block C3 2nd Floor
Seri Shopping Complex,
Batu 1 Jalan Tutong
Bandar Seri Begawan
Brunei

mulai dari hari Rabu 17hb Nobember 1982 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 29hb Nobember 1982.

6. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $1,000.00 (Brunei Ringgit Sa-ribu Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

7. Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pemborong2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a) Pemborong2 itu ada-iah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki,
b) Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjokkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sa-banyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

8. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

### SUPPLY OF VENETIAN, ROLLER SHUTTER AND VERTICAL LOUVRE BLINDS FOR WARRANT OFFICERS AND SERGEANTS MESS 1 — PENANJONG CANTONMENT

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga hari Isnin, 22hb Nobember, 1982 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projet yang tersebut di-bawah:—

SUPPLY OF VENETIAN, ROLLER SHUTTER AND VERTICAL LOUVRE BLINDS FOR WARRANT OFFICERS AND SERGEANTS MESS 1 — PENANJONG CANTONMENT.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK SUPPLY OF VENETIAN, ROLLER SHUTTER AND VERTICAL LOUVRE BLINDS FOR WARRANT OFFICERS AND SERGEANTS MESS 1 — PENANJONG CANTONMENT.

4. Dukomen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

AKITEK BERSATU
148 Jalan Pemancha,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

mulai dari hari Rabu 10hb Nobember 1982 hingga jam 4.00 petang hari Jumaat 19hb Nobember, 1982.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $500.00 (Lima ratus ringgit sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2. Chagaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

6. Sa-belum dukomen2 tawaran di-keluarkan semua pemborong2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a. Pemborong2 itu ada-lah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki.
b. Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjokkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sa-banyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## Sa-bagai Pengawas Kechil di-JHEU

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah untok di-lantek sa-bagai PENGAWAS KECHIL di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun
b) Chalun2 hendak-lah sakurang2-nya lulus dalam Tingkat II dan mempunyai Pengetahuan Ugama.
c) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 penyeliaan dan pengawasan pekerja2 rendah.
d) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.
e) Chalun2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-nyatakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun serta mempunyai pengalaman dalam kerja2 penyeliaan dan pengawasan pekerja rendah boleh-lah juga di-pertimbangkan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-perolehi daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Disember, 1982.

( E/168/76 )

(Bil : 316/1982)

## Sa-bagai Tukang Panjat di-RTB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TUKANG PANJAT di-Radio Talivishen Brunei.

E. 1-2-3 EB. 4—$410-$700 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Jawatan ini ada-lah amat sesuai sekali bagi pemuda2 yang berbadan tegap dan sehat yang mempunyai sedikit sebanyak pengalaman bekerja pada struktur2 yang tinggi. Chalon2 hendak-lah mempunyai pengetahuan asas dalam penggunaan perkakas2 tangan mekanikal dan sanggup menghadapi bahaya2 elektrik yang mungkin ada. Pengalaman bekerja dengan menggunakan perkakas2 letrik merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Kapada Jurutera Pengawas Pemanchar2 melalui Juruteknik Pemeliharaan Kanan bagi menjalankan tugas2 memanjat yang melibatkan penyelenggaraan aerial2 pemanchar RTB. Tugas2 penyelenggaraan lain di-Studio yang memerlukan mereka memanjat tangga.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Disember, 1982.

( E/361/66 )

( Bil : 315/1982 )

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Tender for electrical installation, switchgear house, Kg Manggis — Seng Suan Elec Co — $11,922.00.
2 Tender for Contract 36 — Govt Offices, Temburong — Jurukur Perunding — $1,893.00 per hectare with completion in 12 days.
3 Tender for re-roofing etc Limau Manis Police Station — Messrs Wong Guan Wah & Sons — $82,500 — 3½ months.
4 Tender for helicopter pad for Suri Seri Begawan Hospital — Hj Md Yussof bin Mohamad — $48,200 — 1½ months.
5 Tender for 20-bay twin garages etc, compound of Pulau Chermin flat — Sharikat Pembangunan Issi — $21,340 —2 months.
6 Tender for new APO qtrs, Seria — Yong Sok Gen Contractor — $1,094,831.25 — 9 months.
7 Tender for hall and store for Mohd Salleh Mosque, Bangar — Messrs Pg Hj Omarali & Anak2—$27,500—3 months.
8 Tender for repair etc Sultan Hassan Preparatory English School — Lim Jit Jau — $72,250 —9 weeks.
9 Tender for shore protection works (Phase 1) KB — Guma Pte Ltd — $2,232,580 — 12 months.
10 Tender for reticulation sewerage for B and C flats, Kg Anggerek Desa — Hung Soon & Co — $393,825.00 — 8 months.

---

1 Tender for renovation etc, air conditioning unit, Land Transport, Gadong — Borneo Air Cond & Eng Co — $45,376.00 — 12 weeks.
2 Tender for 'all-in' maintenance, air conditioning plant, RTB — Guthrie (B) Sdn Bhd — $775,440 — 3-year term.
3 Tender for training kitchen, Pusat Latehan Teknikal — Chung Syn Kheng Elec Co — $63,015.
4 Tender for electrical installation, 'E' flat, Fire Brigade Station — Wan Aun Tun Electric Co — $42,626.
5 Tender for earthfill, access road, Kg Puni — Hj Mohd Hussin bin Yakub — $42,552.
6 Tender for carpeting Sg Hanching mosque — Perniagaan Raudhah — $11,922.60.
7 Tender for carpark lighting at Town Padang — Hj Sulong Elec Co — $107,848.25.
8 Tender for workshop equipment and garrison workshop, Artillery Regiment — Kon Kim Elec Co — $618,984 —in line with the main contract.
9 Tender for KB Water supply — Contract No. 14 — pipes for raw water pipeline sub-contract for preparation of pipe storage yard — Fook Ho Building & Sand Filling Contractor — $113,400.
10 Tender for canteen management, RTB — Dayang Mastul bte Hj Ahmad — $1,350 rental per month.
11 Tender for internal repair etc to Electrical barracks Nos A1, A2 and A4 and Block 'D', Jalan Gadong — Sh Perusahaan Haji Shahbuddin Salleh — $12,800 — 2 months.
12 Tender for construction of 'F' flats etc, SM Telisai — Chin Ming Construction Co — $1,605,461 — 15 months.
13 Tender for repair etc stores complex, State Stores, Gadong — Pg Hj Taib bin Pg Bungsu & Anak2 — $209,380 — 3 months.
14 Tender for installation of waste pipe and external repair etc to PWD No 416, Jalan Ong Sum Ping — Sh Pg Hj Omarali & Anak2 — $15,550 — 45 days.

---

1 Tender for installation of KWH meters throughout Bolkiah Camp qtrs — Friendly Elec Co — $4,785.00.
2 Tender for installation of KWH meters throughout Berakas Camp qtrs—Hj Sulong Elec & Eng Pte Ltd—$97,580.00.
3 Tender for completion of a store building, Power Station Seria — Hong Kay Const Co — $116,400 — 4 months.
4 Tender for six transit huts for Muslim cemeteries — Sharikat Abu Bakar bin Abdullah — $20,250.00.
5 Tender for installation of laboratory benches—Scientific & Technical Products Co — $48,208.00.
6 Tender for toilets, Rimba nursery — Hj Ludin bin Hashim — $9,500 — 6 weeks.
7 Tender for royal dais, Temburong — Ho & Far Const Co — $57,470.00 — 2 months.
8 Tender for playing field, Ong Sum Ping — Terra-Firma Const Co — $118,682.00 — 3 months.
9 Tender for repainting PWD no 1022 at Jerudong Prison — Sh Perusahaan Pg Timbang Pg Damit — $15,566.00 — 45 days.
10 Tender for two blocks improved type 'B' flats etc, Kg Anggerek Desa Phase VIII — P M Const & Trading Ltd — $2,381,342.00 — 13 months.
11 Tender for 3 culverts for Jalan Tungku link — Hj Abd Rahman bin Mudim Bakar — $423,350.00 — 6 months.
12 Tender for extension of road construction, Jalan Pandan Satu and Jalan Kerma Negara — Sharikat Haji Ibrahim PPW Hj Mohammad — $219,660.00 — 5 months.
13 Tender for branch sewer for proposed housing, Muara — Pyramid Const Ltd — $245,290 — 4 months.
14 Tender for Lambak Kanan Resettlement Scheme — earthworks roads and services — Dynasty Corporation — $3,676,599.00 — 399 days.
15 Tender for management of KB canteen — Hajjah Norati bte Badaruddin — $250.00 rental per month.
16 Tender for Contract JUA 38 — Sg Kebun market — Jurukur Perunding — $1,850.00 per hectare — 3 weeks.
17 Tender for external improvement to PWD new offices, Old Airport — Sh Hamzah bin Abd Rahman — $95,480 — 3 months.
18 Tender for sewerage reticulation for SM Anggerek Desa, teachers' flats—Chung Hing Contracting Co — $227,835.00 — 6 months.



Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman ketika merasmikan Masjid Kampong Sungai Hanching.

# Nilai2 rohani dan ugama menjamin kesejahteraan

KAMPONG SUNGAI HANCHING. — Pembangunan dan perkembangan yang tumboh di-kalangan masharakat yang teguh berpegang kapada nilai2 rohani dan ugama akan lebeh menjamin terchapai-nya munafaat dan kesejahteraan yang berpanjangan daripada perkembangan yang berterusan dalam keadaan masharakat yang sa-makin lemah pegangan hidup-nya.

Pembangunan dan perkembangan masharakat di-bidang kebendaan atau lahiriah mesti-lah berjalan terus, akan tetapi pembangunan sa-rupa itu tidak sepatut-nya kita izinkan untok melemahkan pegangan masharakat terhadap ugama-nya.

Ini telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman yang telah beruchap sa-jurus sa-belum menyempurnakan pembukaan rasmi Masjid baru di-Kampong Sungai Hanching pada hari Jumaat 12hb Nobember lepas.

Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan berkata bagi maksud memelihara perimbangan antara kerohanian dan pembangunan itu, peranan kita bukan lagi untok memikirkan harus tidak-nya kita melibatkan diri dalam pembangunan, tetapi tugas kita yang sebenar-nya ia-lah mempastikan supaya dari awal hingga akhir kita sama2 menjalankan tanggong-jawab dan peranan masing2 ka-arah menyemai ketinggian rohani di-kalangan masharakat.

"Kita juga harus-lah insaf bahawa ada-lah tidak wajar kita membiarkan ajaran Allah di-tuhmah sa-bagai penghalang kemajuan, sedangkan yang sebenar-nya kelemahan manusia berhadapan dengan kesan2 negetif pembangunan ada-lah menjadi puncha tuhmahan tersebut," ujar Yang Berhormat.

Oleh itu apa yang mustahak kata-nya, ia-lah usaha2 yang tidak mengenal undor pada mempastikan supaya bukan-nya ugama yang semesti-nya tundok kapada kesan yang jelek dalam pembangunan lahiriah atau kehendak perseorangan yang berbeza itu.

Bahkan yang penting, ujar Yang Berhormat seterus-nya ia-lah bagaimana kita semesti-nya mengator supaya perkembangan dan perbezaan kehendak perseorangan itu di-selaraskan dengan keinginan kita untok menekmati kemajuan lahiriah di-samping tetap mempunyai kekayaan rohaniah.

Sambil itu Yang Berhormat itu menegaskan, kesan2 burok di-chelah2 pembangunan lahiriah sebenar-nya tidak akan berbangkit sekira-nya manusia berupaya mempertahankan nilai2 rohaniah.

Seterus-nya Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan berkata, chita2 kearah mengujudkan masharakat Brunei yang maju dan maamor dalam pembangunan di-samping kaya dengan kerohanian itu akan lebeh sempurna kita chapai sekira-nya dorongan2 ugama kita perkembangkan dalam masharakat kita.

Berhubong dengan perkara tersebut, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman memberi mithal pada kesedaran yang semakin jelas di-kalangan orang2 Islam untok merebut peluang2 perusahaan dan perniagaan di-negeri ini, kata-nya petunjok Islam supaya kita tolong menolong dan bersepakat sapatut-nya kita gunakan dengan sa-baik2-nya umpama-nya dengan jalan memuchang2.

"Walau bagaimana pun, jalan sebenar pada mengujudkan perusahaan dan perniagaan yang lebeh mantap di-kalangan kaum Muslimin barang sa-tentu-nya bergantong pada keazaman dan tindakan para pengusaha dan peniaga2 sendiri meranchang perpaduan dan permuafakatan sesuai dengan ajaran2 Islam."

Di-negeri ini maseh terdapat kerja pembenaan dan kerja2 'collar biru' yang maseh bergantong kapada tenaga2 luar negeri, antara lain sebab2-nya kata Yang Berhormat ia-lah keengganan orang2 Islam sendiri untok menjalankan kerja2 saperti itu, di-mana orang2 kita maseh menyimpan keinginan yang mendalam hanya dalam kerja2 collar puteh.

Kata Yang Berhormat lagi, "Sikap saperti ini akan melemahkan kaum Muslimin sendiri di-tanah ayer-nya dan akan memperpanjang keperluan kita kapada tenaga2 luar dalam kerja2 yang boleh kita jalankan sendiri."

Berhubong dengan masaalah itu Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan menegaskan, masaalah di-hadapan kita sebenar-nya bukan-lah bagaimana menyedikitkan kebanjiran pekerja2 itu, tetapi ia-lah bagaimana mengisi kekosongan yang mereka tinggalkan nanti jika keengganan orang2 kita maseh juga berterusan.

Untok itu kita sesunggoh-nya memerlukan perubahan sikap yang besar2an mengenai perkara ini, dan perubahan sikap saperti itu tambah Yang Berhormat amat sesuai pula dengan kehendak ugama yang menchintai kerajinan dan anti kapada keengganan untok memikul apa jua pekerjaan yang halal.

Terdahulu sa-belum itu Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan menjelaskan, pembukaan rasmi masjid baru di-kampong itu adalah menjadi bokti yang sangat nyata betapa kerajaan Kebawah DYMM sentiasa dan akan terus menerus mengator dan melaksanakan berbagai ranchangan sa-mata2 bagi melaksanakan maksud yang terkandong dalam Perlembagaan, tepat dengan hasrat yang di-tuju dalam menjadikan Islam sa-bagai ugama rasmi di-negeri ini.

# Edar panduan, disiplin wajar

## Bantu Ketua2 Jabatan baiki selewing

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tindakan mengedarkan panduan2 mengenai peratoran disiplin kapada semua ketua jabatan dan pegawai2 yang bertanggong-jawab di-sifatkan sa-bagai wajar.



Pemangku Pengarah Perjawatan, Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Ahmad ketika beruchap.

Peratoran disiplin yang lengkap, seragam dan eksplisit, sebenar-nya boleh menguntongkan kedua belah pehak.

Ini juga boleh memandu ketua2 jabatan bertindak membaiki penyelewengan dengan berkesan di-samping dapat membantu kakitangan mengetahui kesalahan dan membetulkan-nya sa-belum terlambat.

Beruchap ketika merasmikan Kursus Sivik Kakitangan Kerajaan Dalam Bahagian V dan Bergaji Hari, Pemangku Pengarah Perjawatan Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, bagaimana pun mengingatkan mana2 peratoran yang baik, penchapaian kejayaan-nya banyak tergantong kapada perlaksanaan yang adil dan bijak.

Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Ahmad menambah, untok mengukor pengetatan disiplin dapat menchapai matalamat-nya, ia-lah disiplin berkenaan berjaya meningkatkan kadar produktiviti dan efishensi jentera kerajaan.

"Jadi-nya, lebeh penting dari menchatet dan menjaga ketepatan masa datang dan pulang pekerja, ia saharus-nya berupaya meningkatkan mutu dan taraf prestasi keselurohan perkhidmatan awam sa-bagai satu sistem organisasi," jelas Dato Awg Haji Ahmad.

Dato Awg Haji Ahmad menekankan, satu sistem perkhidmatan awam yang efektif tidak akan ujud kerana perlaksanaan disiplin yang ketat semata2, sabalek-nya langkah2 meningkatkan prestasi kerja sa-chara langsong mesti-lah di-tekankan sama.

Etika kerja yang baik berasaskan kerjasama yang erat antara pekerja ada-lah satu usaha yang perlu di-buat, kerana hanya dengan ada-nya pengabongan kuasa dan kemahiran antara kumpolan pekerja itu baru-lah sa-suatu jabatan dapat menjalankan tugas yang di-pertanggong-jawabkan.

Untok ini juga, kata-nya, kakitangan memerlukan pengiktirafan ka-atas kerja yang mereka lakukan di-samping memerlukan satu suasana yang baik untok membolehkan mereka menggunakan daya chipta dan inisiatif bagi melaksanakan tanggong-jawab itu.

Penggunaan berbagai strategi dan taktik di-pehak pengurusan, tambah-nya perlu untok merangsang para pekerja supaya bersikap positif dan menchetuskan daya usaha yang tinggi bagi menjalankan tanggong-jawab yang di-beri.

"Pertukaran sikap ini amat penting kerana sekira-nya sa-seorang itu hanya bersikap makan gaji ia tidak akan membuat lebeh daripada apa yang di-beri kapada-nya, bekerja mengikut waktu dan masa tertentu sahaja," kata Dato Awang Haji Ahmad.

Untok menghasilkan produktiviti yang tinggi dan berkesan, Dato Awang Haji Ahmad menyarankan, di-samping mempunyai semangat 'kekitaan', semangat 'ini pejabat kita' dan perasaan 'kita-lah yang bertanggong-jawab memberikan imej baharu dan nama yang baik' perlu-lah di-sematkan.

Hasil dari fahaman ini juga, ujar-nya lagi, para pekerja akan lebeh 'competitive' dan produktif serta dapat mempertahankan kedudokan mereka yang 'viable' dalam apa jua keadaan kemerosotan.

"Mereka hendak-lah menyedari bahawa daya pengeluaran mesti-lah menjadi darah daging, semangat dan budaya kerja kita saperti mana hal-nya dengan orang2 Jepun dan bangsa yang lebeh maju. Ini ada-lah satu usaha yang akan memakan masa yang panjang yang harus kita tempoh sekira-nya kita mahukan Brunei menjadi sabuah masharakat maju menjelang tahun sembilan pulohan," jelas Dato Awg Haji Ahmad.

## Bebas dari kolera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di-maklomkan bahawa beberapa kawasan di-Sarawak telah di-istiharkan bebas dari penyakit kolera mulai dari 3hb. Nobember. Kawasan2 tersebut ia-lah Sarikei, Julau, Oya/Balat, Sibu, Mukah, Lawas dan Lundu.

## Lukisan2 akan di-pamerkan

SERIA. — Sa-banyak 2,000 buah lukisan yang di-pertandingkan di-dalam peraduan lukisan "Brunei Ku" anjoran Sharikat Pemasaran Shell Brunei akan di-pamerkan di-ke-empat-empat daerah di-negeri ini.

Pameran pertama akan di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan salama dua hari dan akan bermula pada 19hb Nobember ini.

Lukisan2 tersebut akan di-pamerkan di-Daerah Tutong pada 22hb-23hb Nobember bertempat di-Dewan Kemasharakatan.

Di-Daerah Belait pameran akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan pada 25hb-26hb Nobember dan kemudian di-Daerah Temburong bertempat di-Dewan Ria pada 29hb-30hb Nobember.

Awang Ahmad Haji Shahri, sa-orang juruchakap pehak penganjor memberitahu yang pameran akan di-buka pada jam 8.00 hingga 12.00 tengah hari dan sebelah petangnya pada jam 1.00 hingga 5.00 petang.

Beliau juga menjelaskan yang semua lukisan2 tersebut, kechuali lukisan yang memenangi peraduan, boleh di-ambil balek daripada pehak penganjor yang beralamat di-36/37 Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan pada waktu bekerja.

## Berkursus di-Aust.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Mohammad Alimin bin Haji Abd Wahab, Setiausaha Awam Askar Melayu Diraja Brunei kini berada di-Australia untok menghadhiri kursus 'Management Development Programme Session".

Kursus sa-lama lima minggu itu di-adakan di-Maktab Turus Pentadbiran Australia di-Mount Eliza, Victoria, Australia.

Beliau akan kembali katanah ayer pada 19hb Disember, 1982.

## Manis-nya Iman

"KALAU-LAH kamu mengetahui apa yang saya ketahui tentu-lah kamu akan sedikit ketawa dan banyak menangis." — HADITH Nabi riwayat Bukhari dan Muslim daripada Anas.

# JENAZAH ALMARHUM SELAMAT DI-MAKAMKAN

Dari muka 1

Dari chatetan sejarah, Almarhum YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohd Alam ada-lah merupakan salah sa-orang anggota rombongan yang merundingkan Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959 bersama2 DYMM Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada September 1958 di-London.

Di-dalam kesibokan menjalankan tugas2-nya, Almarhum tidak ketinggalan mewakili negeri ini untok membuat lawatan dan kunjongan keluar negeri terutama negeri2 di-Rantau Asia Tenggara pada tahun 1967 dengan di-iringi oleh YB Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Md Daud.

Sa-lain daripada itu, Almarhum seringkali menjalankan tugas sa-bagai Timbalan Sultan dan Pemangku Raja sa-masa DYMM Paduka Seri Baginda Sultan berangkat ka-luar negeri ia-itu antara tahun2 1977 hingga 1978 dan sejak pemerentahan DYMM Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien lagi.

Dalam pada itu Almarhum telah juga banyak menjawat keahlian diberbagai bidang yang di-pertanggongjawabkan oleh negara. Ini termasok antara-nya Ahli Majlis Mashuarat Negeri pada tahun 1957-1958, Ahli Majlis Mashuarat Diraja, Setiausaha Ahli Jawatankuasa Tanah 1957, Pengerusi Menyimpan Khazanah Negara 1957, Jawatankuasa Perkhidmatan Awam 1957, Pengerusi Jawatankuasa Penchen Negeri 1957, Jawatankuasa Menggubal Rang Undang2 Pelajaran dan Dasar Pelajaran 1957 dan Jawatankuasa Kewangan 1957.

### MENJADI SPEAKER

Almarhum YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha pernah di-lantek sabagai Speaker Majlis Mashuarat Negeri pada tahun 1972-1973.

Sa-panjang perkhidmatan kapada negara, Almarhum telah menerima Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei antara-nya DK, SPMB pada tahun 1963, DSNB, POAS, PHBS pada tahun 1971 dan pingat OBE dari DYMM Baginda Queen pada tahun 1971.

Di-dalam menaburkan jasa-nya melalui perkhidmatan kapada kerajaan, Almarhum telah juga sempat bergiat dalam bidang sokan negara sa-umpama permainan tenis, badminton, bolasepak dan hoki.

Almarhum YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohd Alam telah mendirikan rumahtangga dengan YTM Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajjah Besar bte Pengiran Anak Haji Metassan dan dikorniakan tiga orang putera dan enam orang puteri serta beberapa orang chuchunda.

Almarhum telah meletakkan jawatan dan bersara sa-bagai Yang Dipertua Adat Istiadat Negara pada 1hb Disember, 1981 sa-telah memegang jawatan berkenaan lebeh kurang 21 tahun. Dan kini jawatan tersebut telah di-sandang oleh anakanda Almarhum, YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof.—MS (dengan kerjasama Jabatan Perjawatan dan Arkib Muzium Brunei).

**SEMOGA ALLAH S.W.T. MENCHUCHURI RAHMAT SERTA TAUFIK-NYA KAPADA ROH ALMARHUM AMIN.**





GAMBAR atas kelihatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika menziarahi jenazah Almarhum Ayahanda Mertua Baginda.

Jenazah Almarhum diusong untok di-naikkan kaatas kenderaan bagi permakaman (kiri).

Kelihatan jenazah Almarhum di-arak di-dalam perjalanan ka-Kubah Makam Diraja (bawah).



# Istiadat Permakaman Jenazah Al





PERARAKAN Jenazah Almarhum Yang Teramat Mulia di-dahului dengan alat2 kebesaran Diraja ketika di-dalam perjalanan untok istiadat permakaman.





YANG T
Perdana
ngiran
adat Pe
amat M
juga me
asahan
(kanan)
amat M
untok is
kan Pe
Awg Ha
Tahlil d
Teramat
antara
Permak
Mulia
Paduka
Hi
Bolkiah
Berhor





SA-ORANG pegawai Askar Melayu Diraja Brunei membawa Bintang2 Kebesaran yang di-korniakan kapada Almarhum Yang Teramat Mulia.



# narhum di-Kubah Makam Diraja





nat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran
zir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pe-
Mohamed Bolkiah mengepalai Isti-
aman jenazah Almarhum Yang Ter-
(atas) dan Yang Teramat Mulia itu
ului Istiadat Menjirus Aying Asah-
tas makam Yang Teramat Mulia
randa jenazah Almarhum Yang Ter-
di-usong ka-Kubah Makam Diraja
Permakaman (kiri). Yang Dimulia-
atu Seri Maharaja Dato Seri Utama
ail, Mufti Kerajaan Brunei membacha
alkin sa-telah sempurna jenazah Yang
ia di-semadikan (gambar bawah). Di-
esar2 negara yang hadhir di-istiadat
Jenazah Almarhum Yang Teramat
kanan) ia-lah Yang Teramat Mulia
Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul
al-Waqar Pengiran Muda Mohamed
ang Arthur Watson, Yang Teramat
Penasehat Umom Kebawah DYMM,
Yang Amat Mulia Pengiran Muda Haji Hashim, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Speaker dan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan (bawah).









YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (atas) dan bawah, berserta lain2 kerabat Diraja meninggalkan Kubah Makam Diraja sa-baik2 saja istiadat permakaman jenazah Almarhum selamat di-sempurnakan.







YAM Pengiran Anak Jaafar anakanda Almarhum menjirus aying asah2an ka-atas makam Almarhum ayahanda-nya.

Dari muka 1

zah Almarhum Yang Teramat Mulia di-rumah kediaman Yang Teramat Mulia itu di-Jalan Istana.

Turut menziarahi jenazah Almarhum Yang Teramat Mulia itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British Awang Arthur Watson, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, dan lain2 pegawai kanan kerajaan.

Seluroh negara telah berkabong salama tiga hari mulai dari Isnin 15hb Nobember. Semua tempat2 hiboran termasok panggong2 wayang di-tutop sa-lama tiga hari. Ranchangan2 talivishen dan radio juga telah di-tiadakan dalam masa berkabong dan ia-nya digantikan dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an kechuali warta berita.

Almarhum Yang Teramat Mulia mangkat pada hari Ahad 14hb Nobember jam 11.45 malam ketika berusia 64 tahun, meninggalkan sa-orang isteri dan sembilan orang anak.



YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof juga turut menjirus aying asah2an ka-atas makam Almarhum ayahanda-nya.